Hujung Minggu
ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

## MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Dari Abdul Rahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berkata : Wahai Rasulullah siapakah sebaik-baik manusia? Rasulullah bersabda : Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umurnya itu dipergunakan untuk berbuat kebajikan. Berkata lelaki itu lagi : Siapakah sejahat-jahat manusia? Rasulullah bersabda : Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahatan".**

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.06 SUBUH 5.16 SYURUK 6.36 DUHA 7.00 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.32 ISYAK 7.43
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN **69** BILANGAN **15** | **3 FEBRUARI 2024 / 1445 رجب 22** | **JABATAN PENERANGAN** | **EDISI SABTU PERCUMA**

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# KEKALKAN PERANAN DALAM MENJANA PERKEMBANGAN PROFESIONALISME PEGAWAI ABDB



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu. - Foto : Masri Osman.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TANAH JAMBU**, Khamis, 1 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, sebagai satu-satunya institusi Pendidikan dan latihan pegawai-pegawai tentera di negara ini, maka amatlah mustahak bagi Akademi Pertahanan (AP) untuk mengekalkan peranan utamanya selaku organisasi yang menjana perkembangan profesionalisme pegawai-pegawai ABDB melalui dasar Professional Military Education Manual 2023 yang diterbitkan baru-baru ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga yakin AP adalah mampu untuk membantu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) merangka pelan pendidikan dan latihan sebagai langkah melahirkan pemimpin yang mempunyai ilmu akademik ketenteraan yang tinggi, yang berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja, di samping memperkasa nilai-nilai teras ABDB yang memartabatkan identiti kebruneian.

**>> Muka 2**

# Platform memahami hak, tanggungjawab serta perlindungan warga emas

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BERAKAS,** Khamis, 1 Februari. – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Perundangan Islam, meneruskan lagi Klinik Undang-undang Syariah yang bertemakan 'Ri'ayah Warga Emas' bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) bertempat di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Airport Lama, Berakas.

Klinik Undang-undang Syariah pada hari ini adalah sebagai penutup bagi Klinik Undang-undang Syariah yang diadakan sebelum ini di Daerah Tutong, Temburong dan Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat pada klinik berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Klinik dikendalikan oleh tenaga penasihat daripada pelbagai agensi kerajaan, iaitu Jabatan Pembangunan Masyarakat; Mahkamah Syariah; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal; Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Bahagian Penguatkuasaan Ugama dan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**>> Muka 10**

# Berangkat ziarahi jenazah Allahyarham Yang Berhormat Pehin Datu Imam

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 2 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, di sini.

**>> Muka 3**

# Kesempurnaan sistem keadilan penting untuk kesejahteraan masyarakat

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Februari. - Sistem keadilan yang berfungsi dengan sempurna adalah penting untuk masyarakat, bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi tetapi juga bagi masyarakat secara keseluruhannya.

Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon menekankan perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Pembukaan Tahun Undang-undang di Mahkamah Besar, di sini.

Yang Amat Arif seterusnya menjelaskan mengenai perkembangan utama sepanjang tahun lepas termasuk pelantikan Yang Arif Sir Peter Gross sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan pada Oktober 2023.

**>> Muka 9**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

# Berita Utama



**RUANG Niaga Projek Tunas Daerah Temburong kini dibukakan**
**Muka 11**



**PELANCARAN stesen pengecasan pantas EV kedua**
**Muka 13**



**BDCB terbitkan BSI bagi Disember 2023**
**Muka 24**




**MANFAAT kepelbagaian ChatBot merentas pelbagai industri**
**Muka 28**

# Kekalkan peranan dalam menjana perkembangan profesionalisme Pegawai ABDB

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**>> Muka 1**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu.

"Dalam hubungan ini, beta dengan sukacita menyambut baik dan memperkenankan rancangan AP untuk menubuhkan Faculty of Military Studies dengan kolaborasi bersama Universiti Brunei Darussalam.

"Ini adalah merupakan langkah positif dan salah satu inisiatif untuk mendapatkan pengiktirafan Pendidikan Professional Military Education dan adaptasi konsep Lifelong Learing," titah baginda.

Fakulti ini tambah titah Kebawah DYMM, membuka ruang bagi pegawai-pegawai ABDB untuk mengikuti program Bachelor in Defence and Security Studies yang diperoleh bermula dari peringkat Kursus Pegawai Kadet sehingga ke peringkat Kursus Staf Pertengah atau Intermediate Staff Course dan seterusnya, Master Degree in Defence and Security Studies di peringkat Maktab Turus ABDB.

"Beta menaruh keyakinan, segala bentuk perancangan dan usaha baik ini insyaaAllah akan tercapai dengan dukungan serta kerjasama kukuh dari semua pihak yang berkenaan.

"Beta juga sukacita mengucapkan syabas atas pencapaian Pegawai-pegawai ABDB yang telah meraih anugerah tertentu di Institusi Pendidikan Tentera Luar Negara seperti di Maktab Turus Republik Singapura dan Australia serta kursus Pegawai Kadet Tentera Laut di Britannia Royal Naval College, Dartmouth, United Kingdom baru-baru ini.

"Ucapan tahniah juga untuk enam Pegawai ABDB yang telah menerima Anugerah OBOE Endeavour Academic Excellence dari Kerajaan Australia sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang mereka di dalam Kursus Maktab Turus ABDB baru-baru ini," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM juga turut merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Akademi Pertahanan, khususnya kepada Komandan Akademi Pertahanan, Pegawai Pemerintah, pegawai-pegawai, Colour Sergeant, Jurulatih dan kakitangan Sekolah Pegawai Kadet di atas pengorbanan serta dedikasi mereka dalam melatih dan mendidik Pegawai-pegawai Kadet dan menjayakan Upacara Sovereign's Parade tersebut.

Baginda juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang ditujukan kepada para ibu bapa, penjaga serta ahli keluarga atas suntikan semangat, bimbingan dan sokongan yang berterusan sehingga mereka Berjaya mengharungi latihan yang sangat bermakna dan mencabar ini.

"Kepada semua penerima anugerah tertentu, beta ucapkan tahniah dan syabas.

"Dengan merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim,* beta dengan sukacita mengurniakan tauliah kepada 54 Pegawai Kadet Pengambilan Ke-22," lafaz titah baginda.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah mengucapkan syabas dan tahniah kepada 54 Pegawai Kadet atas persembahan perbarisan yang kemas dan penuh semangat.

Baginda yakin ini adalah hasil latihan yang berjaya oleh Pegawai-pegawai Kadet yang telah pun bersedia dengan penuh yakin untuk memulakan kerjaya sebagai pegawai tentera bertauliah ABDB.

"Beta gembira dan bangga dengan perkembangan positif Sekolah Pegawai Kadet sejak penubuhannya 15 tahun yang lalu, iaitu untuk julung kalinya telah menerima penyertaan bersejarah dua orang Pegawai Kadet, masing-masing dari Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Bersenjata Republik Singapura," titah baginda.

Kebawah DYMM juga menzahirkan perasaan gembira dan mengambil maklum bahawa sehingga kini Sekolah Pegawai Kadet telah pun berjaya melahirkan seramai 804 pegawai tentera yang bertauliah.

"Sesungguhnya pencapaian yang signifikan ini adalah bukti jelas meningkatnya kredibiliti dan kematangan Sekolah Pegawai Kadet sehingga turut disambut baik oleh negara-negara sahabat.

"Syabas beta ucapkan kepada Sekolah Pegawai Kadet ABDB," ujar titah baginda.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| Februari MASIHI | HARI | Rejab HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | SABTU | 22 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.43 |
| 4 | AHAD | 23 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.43 |
| 5 | ISNIN | 24 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 6 | SELASA | 25 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 7 | RABU | 26 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 8 | KHAMIS | 27 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.44 |
| 9 | JUMAAT | 28 | 5.07 | 5.17 | 6.36 | 6.59 | 12.35 | 3.56 | 6.33 | 7.44 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 31 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 31 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 31 / 24 °C |
| Kuala Belait | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

3 FEBRUARI 2024

### Waspada dengan penipuan dalam talian

DALAM era digital masa kini, kita sudah setentunya akan berhadapan dengan pelbagai cubaan penipuan digital di dunia internet yang semakin maju ini. Hal ini berikutan daripada dampak internet di balik keberadaannya yang begitu memudahkan hidup. Namun, di balik manfaatnya yang memudahkan hidup, ada beberapa ancaman yang harus diwaspadai oleh pengguna, salah satunya adalah *phishing*. *Phishing* merupakan salah satu kejahatan di era digital yang digunakan para penjahat siber untuk mengambil informasi daripada pengguna internet.

Justeru, orang ramai diingatkan agar sentiasa berhati-hati dengan penipuan *phishing* dalam talian yang kini sedang berleluasa.

Bukan itu saja,orang ramai juga perlu berwaspada dengan sindiket yang cuba memancing individu yang mudah percaya untuk mendapatkan maklumat peribadi dengan menarik mereka dengan tawaran atau *lucky draw* yang tidak diketahui.

Sehubungan ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengingatkan dan menasihatkan kepada orang ramai agar tidak menjadi mangsa kepada penipuan *phishing website* dengan mengambil langkah berjaga-jaga untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat perbankan seperti nombor telefon bimbit Kad ATM, pin, kata laluan dan sebagainya kepada mana-mana pihak yang tidak dikenali.

Elakkan membuka sebarang pautan yang mencurigakan di dalam mana-mana aplikasi sosial media dan membuat pemeriksaan serta kepastian daripada jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang relevan atau yang berkaitan mengenai tawaran-tawaran yang diiklankan.

PPDB juga menyeru kepada orang ramai agar tidak mengendahkan mana-mana tawaran atau bantuan sepertinya dan mengingatkan ahli-ahli keluarga serta rakan-rakan untuk menghindarinya.

Dalam pada itu, orang ramai juga perlu berhati-hati ketika menerima panggilan daripada orang asing atau nombor yang tidak dikenali. Sekiranya awda perlu menerima panggilan tersebut, dengarkan dulu apa kepentingan daripada si pemanggil. Jika permintaannya menyangkut hal-hal data peribadi atau meminta wang, sebaiknya awda abaikan saja panggilan tersebut.

*Phishing* adalah kejahatan dalam talian yang harus diwaspadai. Apabila awda merasa mengalami hal tersebut, segera lakukan tindakan pencegahan dengan mengabaikannya.

Pihak PPDB juga menyarankan kepada orang ramai agar dapat bekerjasama dan memberikan apa jua jenis maklumat dengan mengongsikan ke Talian Kecemasan 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan serta boleh disalurkan melalui e-mel, laman sesawang PPDB *www.polis.gov.bn* ataupun Instagram *@upa.ppdb.*

Penjahat siber akan terus mengembangkan teknik mereka untuk mendapatkan data peribadi pengguna yang dapat digunakan untuk tujuan jahat. Justeru dengan meningkatkan kesedaran dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang tepat, pengguna internet dapat melindungi diri mereka dari serangan phishing yang setentunya sangat merugikan. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

**NOTA: AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT ZIARAHI JENAZAH ALLAHYARHAM YANG BERHORMAT PEHIN DATU IMAM





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong dan seterusnya menunaikan Sembahyang Jenazah (atas dan kanan).**

**>> Muka 1**

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Allahyarham Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid telah kembali ke rahmatullah pada hari ini, jam 5.22 pagi, ketika berusia 84 tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham dilahirkan di Kampung Tanjong Nangka, Batu 11, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam pada 1939.

Allahyarham mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sengkurong Brunei, kemudian melanjutkan pengajian ke Madrasah Al-Junied Al-Islamiah, Singapura dan seterusnya ke Kolej Islam Malaya, Klang, Selangor.

Allahyarham seterusnya menyambung pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir dan memperoleh Ijazah Sarjana (M.A) pada 1966.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

Allahyarham mula berkhidmat dengan kerajaan pada 24 Disember 1966 sebagai Pegawai Penguasa Penerangan dan Tabligh di Jabatan Hal Ehwal Ugama dan kemudian dilantik menjadi Penguasa Pelajaran.

Selepas itu, Allahyarham dinaikkan jawatan sebagai Timbalan Kadi Besar dan seterusnya menjadi Pegawai Ugama Kanan.

Pada 1977, Allahyarham dilantik menjadi Kadi Besar sehingga bersara pada penghujung 1994.

Allahyarham kemudiannya dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 1 Januari 1995 sehingga 25 Mac 2001 dan kemudian dilantik menjadi Ketua Hakim Syar'ie mulai 26 Mac 2001 sehingga tamat perkhidmatan pada 19 Mac 2008.

Semasa hayatnya, Allahyarham telah berkhidmat selama lebih 40 tahun dan lebih daripada 26 tahun daripadanya berkhidmat dalam bidang Kehakiman Syariah.

Allahyarham merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam Brunei, selain pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara (Kalangan Orang-orang Bergelar) dan Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

Atas titah perkenan Kebawah DYMM, Allahyarham telah disampiri gelaran Manteri Ugama di Bawah Manteri Lapan, iaitu 'Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam' pada 25 April 1974.

Selain itu, Allahyarham juga turut dikurniakan dengan beberapa Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan, antaranya Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama (Dato Paduka Seri Setia); Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua (Dato Setia); Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga; Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat; Pingat Hassanal Bolkiah Sultan; Pingat Bakti Laila Ikhlas; Pingat Kerja Lama; Pingat Pengisytiharan Kemerdekaan; dan Pingat Jubli Perak (Emas).

Allahyarham juga pernah dianugerahkan Tokoh Ugama / Jasawan Ugama 1429 Hijrah pada 11 Januari 2008 sempena Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1429 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Jenazah Allahyarham disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Sadur, Kampung Tanjong Nangka.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengangkat dan mengusung jenazah Allahyarham Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid (atas), manakala gambar kiri, kenderaan khas dilengkapi perhiasan adat istiadat.**

# 54 PEGAWAI KADET PENGAMBILAN KE-22 DITAULIAHKAN





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet dan seterusnya berkenan memeriksa perbarisan. Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan atas).**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**TANAH JAMBU**, Khamis, 1 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), di sini.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Sejurus itu, Kebawah DYMM berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa Pasukan Perbarisan yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet di bawah perintah Pegawai Perbarisan, 1211 Kapten Umar Abdul Aziz bin Haji Yahya.

Ini disusuli dengan acara perbarisan berjalan lalu oleh para Pegawai Kadet.

Kebawah DYMM kemudian berkenan mengurniakan titah dan seterusnya mengurniakan anugerah-anugerah bagi para Pegawai Kadet Terbaik Pengambilan Ke-22, iaitu Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour); Anugerah Terbaik Akademik; Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera; Anugerah Terbaik Ketahanan Jasmani; dan Anugerah Terbaik Pegawai Kadet Antarabangsa.

**>> Muka 5**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan (atas), manakala gambar kanan, sebahagian ibu bapa dan penjaga Pegawai Kadet yang diraikan hadir pada majlis tersebut. Seterusnya, gambar bawah kiri dan bawah kanan, perbarisan lalu semasa Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet.**





>> Muka 4





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Pedang Kehormatan kepada Pegawai Kadet Dayangku Noor Umiatul Afiqah binti Pengiran Zainal Abidin dan Anugerah Terbaik Akademik kepada Pegawai Kadet Haziq Zharfan bin Haji Awang Hasbollah (kiri dan kanan).**

Penganugerahan didahului dengan Anugerah Pedang Kehormatan kepada Pegawai Kadet Dayangku Noor Umiatul Afiqah binti Pengiran Zainal Abidin yang berkelulusan Ijazah Sarjana Sains dalam Biodiversiti dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Anugerah Pedang Kehormatan berkenaan merupakan anugerah penghormatan tertinggi yang dikurniakan oleh baginda kepada Pegawai Kadet, dan ia merupakan simbol kecemerlangan terbaik secara keseluruhan bagi Pegawai Kadet yang mempunyai pencapaian tertinggi dalam latihan asas ketenteraan, akademik, fizikal dan dalam semua aspek kepimpinan.

Kebawah DYMM seterusnya mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada Pegawai Kadet Haziq Zharfan bin Haji Awang Hasbollah yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pengajian Komputer dari University College London, United Kingdom.

Beliau dikurniakan anugerah berkenaan berdasarkan keputusan keseluruhan akademik terbaik di sepanjang latihan dijalankan.

Manakala Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera pula dikurniakan kepada Pegawai Kadet Murfiqah binti Muhammad yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Geografi Alam Sekitar dan Pembangunan dari UBD.

Pengurniaan anugerah berkenaan adalah berdasarkan kepada kejayaan beliau mendapat keputusan cemerlang dalam semua mata pelajaran kemahiran tentera.

Sementara Pegawai Kadet Awangku Muhd. Syahiiruddin bin Pengiran Haji Tengah yang berkelulusan BTEC Level 5 Higher National Diploma dalam Sistem Komputer dari Micronet International College, Negara Brunei Darussalam pula menerima Anugerah Terbaik Ketahanan Jasmani, sebagai pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang Pegawai Kadet berkenaan dalam latihan jasmani.

Anugerah Terbaik Pegawai Kadet Antarabangsa pula dikurniakan kepada Pegawai Kadet Muhammad Akid bin Ayub dari Republik Singapura, yang memiliki Diploma Sains Farmasi dari Republic Polytechnic di Republik Singapura.

Anugerah Pegawai Kadet Antarabangsa merupakan anugerah yang julung kalinya diperkenalkan oleh Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB bagi menghargai serta memberi pengiktirafan kepada Pegawai Kadet antarabangsa yang berjaya mencapai prestasi terbaik daripada semua segi latihan secara keseluruhan serta sumbangan Pegawai Kadet berkenaan di sepanjang menjalani latihan Kursus Pentauliahan.

Ia juga sekali gus mencerminkan peningkatan positif dalam kemajuan yang dicapai oleh Sekolah Pegawai Kadet khususnya dan AP ABDB amnya yang mulai menerima kemasukan para Pegawai Kadet dari negara-negara jiran bagi mengikuti Kursus Pegawai Kadet di Sekolah Pegawai Kadet.

Selesai pengurniaan anugerah-anugerah berkenaan, sembah 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' dilaungkan sebanyak tiga kali oleh pasukan perbarisan, diikuti dengan bacaan doa dipimpin oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Kebawah DYMM serta kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Dewan Istiadat AP ABDB bagi Majlis Junjung Ziarah.

>> Muka 6





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera kepada Pegawai Kadet Murfiqah binti Muhammad dan Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani kepada Pegawai Kadet Awangku Muhd. Syahiiruddin bin Pengiran Haji Tengah (kiri dan kanan).**



**KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Pegawai Kadet Antarabangsa kepada Pegawai Kadet Muhammad Akid bin Ayub dari Republik Singapura.**





**PARA Pegawai Kadet yang diraikan (atas), manakala gambar kanan, antara ibu bapa dan penjaga yang hadir pada majlis tersebut.**

ﭬليتا بروني PELITA BRUNEI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 5

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM juga menerima pesambah yang dinamakan 'Al-Iastimraria' daripada para Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan.

Pesambah berkenaan melambangkan perjalanan berterusan Pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, beralih daripada peringkat awam ke pegawai ditauliahkan dan akhirnya ke peringkat perkhidmatan, menekankan kepada perpaduan mereka dalam mengatasi cabaran kursus.

Tiga batang tiang yang berwarna merah, biru tua dan biru muda melambangkan organisasi dan ketiga-tiga unit ABDB, iaitu merah melambangkan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB); biru tua melambangkan TLDB; dan biru muda melambangkan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Kelasak yang disimpan di tengah-tengah ialah salah satu Alat Kebesaran Diraja Brunei yang digunakan sebagai perisai dan Kelasak adalah simbol tanggungjawab yang diamanahkan kepada seorang pegawai tentera dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Gear besar melambangkan kesepaduan Sekolah Pegawai Kadet dan juga ABDB manakala Gear kecil melambangkan Pegawai Kadet Pengambilan Ke-22 yang berada di bahagian bawah rantaian perintah dan setiap pusingan antara pertemuan gigi gear melambangkan tenaga pengajar dan pegawai yang membentuk serta mengajar para Pegawai Kadet semasa dalam latihan.

Selain itu, gear besar juga melambangkan nilai-nilai teras Sekolah Pegawai Kadet, iaitu setia; takwa; dan berani yang disemai dalam diri setiap Pegawai Kadet.

Pada acara berkenaan, para Pegawai Kadet juga menyembahkan 'Buku Perjalanan' yang mendokumentasikan latihan selama 52 minggu yang mereka lalui.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan menerima junjung ziarah daripada para Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan serta keluarga masing-masing.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda juga berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 7





KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah (kiri dan kanan).







KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

**>> Muka 6**

Seramai 54 Pegawai Kadet, iaitu 34 lelaki; dan 20 wanita ditauliahkan. Daripada jumlah berkenaan, seramai 29 Pegawai Kadet ditauliahkan sebagai Pegawai TDDB, 12 Pegawai Kadet ditauliahkan sebagai Pegawai TLDB, 11 Pegawai Kadet ditauliahkan sebagai Pegawai TUDB.

Manakala dua orang lagi adalah merupakan Pegawai Kadet antarabangsa dari Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Bersenjata Republik Singapura.

Pengambilan pada tahun ini merupakan satu lagi pencapaian yang penting bagi Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB khususnya dan AP ABDB amnya apabila menerima dan berjaya melatih para Pegawai Kadet antarabangsa.

Satu langkah ke hadapan dalam meningkatkan dan memperluaskan hubungan diplomasi pertahanan antara negara-negara sahabat dan pengiktirafan sebagai institusi latihan dan pusat kecemerlangan yang melahirkan para pegawai tentera yang berkualiti tinggi.

Upacara Sovereign's Parade adalah kemuncak latihan ketenteraan intensif Sekolah Pegawai Kadet ABDB bertujuan bagi melengkapkan para pegawai yang baru ditauliahkan dengan ilmu pengetahuan, disiplin, profesionalisme dan kemahiran kepimpinan.

Latihan Pegawai Kadet pengambilan Ke-22 selama 52 minggu berkenaan bermula pada 13 Februari 2023, yang melibatkan pelbagai latihan dan aktiviti ketenteraan termasuk latihan Urban Operation Training Package (UOTP) selama tiga minggu yang dikendalikan oleh Officer Cadet School of the Singapore Armed Forces Training Institute (SAFTI MI), Republik Singapura khusus bagi meningkatkan kualiti kepimpinan, perwatakan dan intelek sepertimana yang dikehendaki bagi setiap Pegawai ABDB.





KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan (atas dan kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan beramah mesra dan bergambar kenangan bersama salah seorang Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan beramah mesra bersama salah seorang Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan (kanan sekali).



PELITA BRUNEI

# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Vice Admiral Aaron Beng.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 1 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Vice Admiral Aaron Beng.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menyertai Tuan Yang Terutama ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon; Penasihat Pertahanan di Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di NBD, Kolonel Peter Chee; Head of Joint Research Department, Kolonel Lim Huay Wen dan Head of Joint Manpower Department daripada Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Kolonel Joseph Peh.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Tahun ini, NBD dan Republik Singapura melakar detik sejarah iaitu dengan sambutan 40 tahun hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara dengan mempunyai sejarah kerjasama di bidang pertahanan yang teguh, merangkumi lawatan-lawatan, pertukaran profesional, aset-aset, eksesais, latihan dan kursus.

Dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman Kerjasama bidang Pertahanan pada tahun 2016 telah membuka ruang kerjasama pertahanan yang semakin berkembang.

Salah satu pencapaian hubungan ini adalah penyerahan dua kapal peronda Tentera Laut Republik Singapura iaitu Kelas 'Fearless' kepada Tentera Laut Diraja Brunei pada tahun 2023 yang kini dinamakan KDB As-Siddiq dan KDB Al-Faruq.

Tuan Yang Terutama Vice Admiral Aaron Beng dan rombongan berada di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama tiga hari bermula dari 31 Januari hingga 2 Februari 2024.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Vice Admiral Aaron Beng dan seterusnya menerima pesambah (kanan dan atas).**



# Berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Pertahanan Republik Singapura





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Pertahanan Bersenjata Republik Singapura, Puan Sharon Beng (atas dan kiri).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 1 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Pertahanan Bersenjata Republik Singapura, Puan Sharon Beng.

Menyertai Puan Sharon Beng ialah isteri kepada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Elizabeth Bay; dan isteri kepada Penasihat Pertahanan di Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di NBD, Puan Ellis Chee.

Juga hadir ialah isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.

# KESEMPURNAAN SISTEM KEADILAN PENTING UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT



**ANTARA yang menghadiri Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang ialah Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Mulia Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di JPM.**

**>> Muka 1**

Yang Amat Arif menghuraikan pengalaman Sir Peter Gross sebagai seorang hakim komersial antarabangsa terkemuka dengan kerjaya undang-undang merangkumi lebih dari 40 tahun dan bagaimana pelantikan beliau akan memperkukuhkan keupayaan Kehakiman.

Dalam pada itu, beliau menyentuh mengenai kerjasama antarabangsa mahkamah berkenaan menerusi pelbagai inisiatif dan perjanjian dengan mahkamah asing khususnya pembentukan kerjasama kehakiman melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman dengan Jabatan Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR) pada Mei 2023 dan Memorandum Persefahaman dengan Mahkamah Tinggi Singapura pada Julai 2023.

Yang Amat Arif menyatakan bahawa kedua-dua perjanjian itu menyediakan rangka kerja institusi untuk mengeratkan perhubungan, kolaborasi dan kerjasama dalam isu-isu yang berhubung dengan pengelakan dan penyelesaian pertikaian.

Yang Amat Arif seterusnya melaporkan statistik pada tahun lalu dan menekankan bahawa bagi tempoh 12 bulan yang berakhir pada Disember 2023, kadar pelupusan kes-kes jenayah di Mahkamah Majistret adalah di dalam kadar 80 peratus, manakala pelupusan kes-kes sivil adalah di kadar 83 peratus.

"Ia adalah peningkatan daripada kadar tahun sebelumnya yang mana masing-masing adalah di kadar 77 peratus dan 63 peratus.

"Dari segi masa yang diambil untuk penyampaian penghakiman di Mahkamah Majistret, data-data menunjukkan bahawa penyampaian penghakiman bagi kes-kes jenayah adalah di antara kadar 91.8 peratus, manakala bagi kes-kes sivil adalah 80 peratus telah disampaikan di antara 1 hingga 3 bulan selepas penutupan penyerahan," jelas Yang Amat Arif.

Yang Amat Arif menekankan bahawa jumlah kes sivil dan komersial yang difailkan di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan dan Mahkamah Majistret terus menunjukkan trend menaik sejak tahun 2022 selepas wabak COVID-19.

Tambah Yang Amat Arif, Pejabat Pendaftaran Waris juga mengalami tahun yang sibuk dan produktif dengan peningkatan ketara dalam jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan untuk Surat Kuasa Mentadbir.

Sementara itu, jumlah permohonan untuk pendaftaran perkahwinan dan petisyen perceraian sivil telah menurun, begitu juga dengan jumlah kes jenayah (tidak termasuk kes lalu lintas) yang difailkan di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan juga menunjukkan penurunan pada tahun 2023.

"Statistik juga menunjukkan bahawa perbicaraan dalam talian terus menjadi ciri mahkamah di mana pada tahun 2023, sebanyak 1,065 prosiding telah dijalankan dalam talian di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan dan Mahkamah Majistret.

"Kehakiman terus menggalakkan dan menyokong penggunaan perbicaraan dalam talian untuk meningkatkan akses kepada keadilan dan kemajuan kes-kes dengan lebih efisien dan berkesan," ujar Yang Amat Arif.

Isu-isu yang berhubung dengan profesi undang-undang turut diketengahkan oleh Yang Amat Arif dengan menerangkan kesukaran yang dihadapi bagi mendapatkan pengamal undang-undang untuk mengambil tugasan bantuan guaman bagi kes-kes jenayah besar.

Yang Amat Arif mencadangkan Pejabat Ketua Pendaftar, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-Undang bagi membentuk satu jawatankuasa untuk mengenalkan satu 'Skim Perkembangan Profesional Lanjutan Mandatori (CPD)' yang bertujuan untuk menginsentifkan program-program bantuan guaman dan menggalakkan pengamal perundangan untuk

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



**YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa berucap.**

mencapai nilai kecekapan pada tahap yang berbeza dalam amalan undang-undang mereka demi mengekalkan taraf tinggi profesional mereka.

Yang Amat Arif juga menekankan perlunya mengadakan tadbir aturan berhubung dengan yuran dan tugas profesional untuk memberi maklumat kepada pelanggan mengenainya.

Yang Amat Arif menyeru pada penggubalan peraturan mengenai perkhidmatan profesional yang lengkap demi untuk menetapkan piawaian pemedulian pelanggan agar peguam bersikap adil dan telus apabila menetapkan harga kos pada pelanggan untuk tugasan mereka.

# Tegakkan perundangan, jaga kepentingan negara



**PERBARISAN Kawalan Kehormatan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei diperiksa oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Februari. - Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2024 berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini.

Acara tahunan ini mengumpulkan ahli-ahli Kehakiman dan profesi undang-undang bagi menandakan bermulanya tahun undang-undang mahkamah.

Majlis dimulakan dengan Perbarisan Kawalan Kehormatan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei yang diperiksa oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon.

Tradisi Pembukaan Tahun Undang-Undang menggariskan peranan utama Kehakiman dalam pentadbiran keadilan.

Ia juga memfokuskan perhatian pada masyarakat undang-undang dengan ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat Arif, diikuti dengan ucapan daripada Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Presiden Law Society Brunei Darussalam, Dayang Nur 'Azizah binti Dato Seri Paduka Haji Ahmad bagi mewakili peguam bela dan peguam cara di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ketika berucap, Yang Berhormat Peguam Negara antara lain menjelaskan bahawa Pejabat Peguam Negara (AGC) terus dipandu oleh visi Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Undang-Undang bagi menegakkan Peraturan Perundangan dan menjaga kepentingan negara ini.

Yang Berhormat menambah, AGC memainkan peranan penting dalam mendukung kerajaan dengan usahanya untuk memastikan keamanan serta kestabilan dan juga sekuriti sosial bagi rakyat di negara ini.

Selain memberi nasihat kepada kerajaan mengenai pelaksanaan undang-undang yang betul ujar Yang Berhormat, ia adalah penting untuk memastikan tadbir urus yang adil dan akauntabiliti untuk semua badan pentadbiran.

"Menjadi kewajipan kepada kita untuk membimbing pihak berkuasa kawal selia dan agensi penguatkuasaan dengan tafsiran undang-undang yang betul dan penerimaan tadbir urus yang baik selaras dengan undang-undang, peraturan dan dasar," tambah Yang Berhormat.

Kewajipan dan kuasa sebagai penjaga Peraturan Undang-undang Yang Berhormat menekankan, telah dinyatakan dengan jelas dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual baginda ke salah sebuah agensi penguatkuasaan pada tahun 2022 di mana dalam titah baginda antara lain membangkitkan : "...sekiranya betul berlaku jenayah, maka pada ketika itu, memang menjadi hak dan kewajipan bagi pihak berkuasa untuk menangani dengan undang-undang untuk memutuskan salah atau tidak".

Sementara itu, Yang Di-Pertua Persatuan Undang-Undang dalam ucapannya antara lain mengetengahkan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi profesi perundangan termasuk integriti profesi berkenaan.

Beliau berkata, kebolehan untuk menimbulkan isu mengenai kelakuan dan standard seorang peguam merupakan sebahagian daripada ekosistem yang sihat.

Walau bagaimanapun, contoh salah laku atau kekurangan etika, jika tidak ditangani dapat menjejaskan kepercayaan orang awam ke atas sistem perundangan.

Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang telah dihadiri oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Majlis juga dihadiri Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie', duta-duta luar negeri dan suruhanjaya-suruhanjaya tinggi, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai kehakiman dari Mahkamah Sivil dan Syariah, Pejabat Peguam Negara, Persatuan Undang-Undang serta pegawai dan kakitangan dari pelbagai agensi penguatkuasa kerajaan.





**UCAPAN daripada Yang Berhormat Peguam Negara; dan Presiden Law Society Brunei Darussalam, Dayang Nur 'Azizah binti Dato Seri Paduka Haji Ahmad, bagi mewakili peguam bela dan peguam cara di Negara Brunei Darussalam.**

# PLATFORM MEMAHAMI HAK, TANGGUNGJAWAB SERTA PERLINDUNGAN WARGA EMAS

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Klinik Undang-undang Syariah (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang hadir pada klinik berkenaan.

>> Muka 1

Seramai 300 warga emas DBM yang terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung, Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah masjid, Pusat Kegiatan Warga Emas, Pertubuhan WARGAMAS, Persatuan Saudara-saudara Baru dan Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam menghadiri klinik berkenaan.

Klinik berkenaan menangani persoalan yang diajukan oleh peserta mengenai pelbagai isu kekeluargaan, pengurusan harta dalam Islam dan jenayah Syariah.

Acara turut dimuatkan dengan sesi 'Sembang Undang-undang Syariah' oleh Pengarah Perundangan Islam, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Klinik Undang-undang Syariah 'Ri'ayah Warga Emas' yang antara lain menerangkan mengenai undang-undang dalam keluarga Islam, undang-undang jenayah syariah serta pengurusan harta dalam Islam.

Terdahulu dalam ucapannya, Awang Haji Hardifadhillah berkata, Klinik Undang-undang Syariah 'Ri'ayah Warga Emas' berkenaan diharapkan akan dapat menjadi platform untuk membantu golongan warga emas memahami hak dan tanggungjawab mereka serta perlindungan yang diberikan terhadap mereka di bawah undang-undang.

Selain itu tambahnya, klinik berkenaan juga dihasratkan menjadi langkah yang efektif dalam mengumpulkan isu atau permasalahan yang dihadapi oleh warga emas di negara ini.

"Dengan pengumpulan data-data tersebut, insyaaAllah akan dapat membantu jabatan kami dalam mengenal pasti sama ada dasar atau perundangan syariah yang sedia ada di negara ini memadai atau perlu kepada pindaan ataupun penambahan suatu yang baharu supaya kesejahteraan warga emas *kitani* terjaga dan dapat terhindar daripada unsur-unsur pengabaian, penderaan, penganiayaan dan seumpamanya," ujarnya.




# Mangsa bencana terima sumbangan kewangan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB menyerahkan sumbangan kepada penerima.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyampaikan sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND45,200 kepada sembilan buah keluarga yang terlibat dalam kejadian rumah roboh dan kebakaran di beberapa buah kampung di seluruh negara.

Majlis diadakan di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Perdana Menteri, di sini.

Penerima bagi bantuan Musibah Rumah Roboh ialah Awang Ahmad bin Haji Bakir dari Kampung Setia 'B', Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Sementara itu, para penerima bagi bantuan Musibah Kebakaran terdiri daripada Awang Ramlee bin Haji Ibrahim, dari Kampung Ratan Labi 1, Daerah Belait; Awang Muhammad Nazamuddin bin Abdullah Dawat@Erwandy bin Dawat, Pengiran Yusiman bin Pengiran Haji Yussof, Awang Ismail bin Ali dan Awang Hairulasree bin Sahari dari Kampung Pelambaian, DBM; Awang Haji Sufri bin Haji Abdul Rahman, dari Kampung Tanjong Bunut, DBM; Awang Panai bin Agong, dari Kampung Parit Jalan Batang Duri, Daerah Temburong; dan Dayang Biru binti Dian, dari Kampung Bukit, Tutong.

Kesemua sumbangan daripada YSHHB tersebut disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

YSHHB dari semasa ke semasa memberikan pemedulian terhadap golongan yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah termasuk rumah roboh dan kebakaran rumah.

Bantuan dilaksanakan bagi meringankan beban mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

# Keadaan cuaca aktif dijangka berlaku

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 1 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini mengalami keadaan cuaca aktif yang dijangka berlaku pada malam ini hingga pagi Selasa, 6 Februari 2024.

Sepanjang tempoh tersebut, hujan lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala, dengan kelajuan angin kencang boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam semasa atau dekat hujan lebat.

Risiko tinggi banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur dan pokok tumbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *@bruneiweather,* Instagram *@brunei.weather* dan saluran Telegram kami *Brunei Weather.*

# RUANG NIAGA PROJEK TUNAS DAERAH TEMBURONG KINI DIBUKAKAN




**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TEMBURONG**, Rabu, 31 Januari. - Ke arah usaha untuk memperkasakan penyediaan ruang niaga para usahawan tempatan dalam meniti pengalaman perniagaan sebenar, Ruang Niaga Projek Tunas Daerah Temburong kini dibukakan kepada orang ramai untuk berkunjung dan menikmati pelbagai hasil produk usahawan tempatan.

Sejumlah 13 pengusaha yang ikut serta di Ruang Niaga Projek Tunas, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar, di sini terdiri daripada peserta-peserta yang terpilih daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Special Entrepreneurial Empowerment and Development Scheme (BIBD Seed), pengusaha-pengusaha 1K1P dan pengusaha-pengusaha tempatan.

Antara produk yang diketengahkan termasuk juga produk kraftangan seperti anyaman serta makanan kering dan sebagainya. Sehubungan itu, hadir merasmikan Ruang Niaga Projek Tunas Daerah Temburong pagi tadi ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed; Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah; Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah BIBD, pegawai-pegawai kanan BIBD, ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong berserta pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung.

Projek tersebut merupakan satu program keusahawanan melalui penyediaan ruang niaga bagi membolehkan usahawan mempraktikkan sejauh mana latihan yang diketengahkan oleh pihak BIBD dapat dimanfaatkan dalam urus niaga mereka demi mencapai kejayaan.

Ia juga merupakan satu platform bagi pengusaha tempatan untuk mengetengahkan lagi produk-produk hasil penduduk tempatan. Orang ramai bolehlah mengunjungi ruang niaga setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula pukul 8.00 pagi hingga 3.00 petang.



**YANG Berhormat hadir merasmikan dan seterusnya menyaksikan pengusaha yang ikut serta di Ruang Niaga Projek Tunas, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar (atas kanan dan kiri).**

جابتن ڤرانچڠن ايکونومي دان ستاتيستيک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN
Fikir sebelum beli
"buleh pecaya kan tu?"
"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"
"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"
"iawah? banar kan tawarannya ani?"
Jadi pengguna yang bertanggungjawab
Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
Dapatkan resit rasmi.
Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.
Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# Tingkat kesedaran mengenai kepentingan industri tenaga



**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



**ANTARA yang hadir mendengarkan forum berkenaan.**

**TUNGKU LINK**, Rabu, 31 Januari. - Brunei Shell Petroleum (BSP) telah mengadakan Forum Tenaga Petroleum 2024 (Petroleum Energy Forum - PEF) bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Forum sehari itu bertemakan 'Menghasilkan Legasi Industri Minyak dan Gas kepada Cabaran Tenaga Landskap' (Bridging the Oil and Gas Industry's Legacy to the Challenging Energy Landscape) yang bertujuan untuk memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan industri tenaga semasa kepada para pelajar dari institusi pendidikan menengah dan tinggi di negara ini.

Forum ini juga juga memberi peluang kepada para pelajar untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Kejuruteraan Petroleum sebagai kerjaya bagi landskap tenaga semasa dan masa depan terus daripada profesional industri.

Hadir pada majlis itu selaku tetamu kehormat, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Dalam ucapan alu-aluan beliau, Dr. Hazri menekankan bahawa tema tahun ini mencerminkan kepentingan pendekatan proaktif untuk menangani cabaran yang ditimbulkan oleh landskap tenaga berkembang.

"Ia menggalakkan perspektif berpandangan ke hadapan untuk mencari penyelesaian yang berdaya maju dan mampan.

"Sektor Minyak dan Gas perlu berkembang, bersesuaian, berinovasi, dan mengubah untuk memenuhi permintaan semasa, yang mungkin termasuk menggabungkan amalan lestari, mengamalkan teknologi baharu, dan mempelbagaikan portfolio tenaga," jelasnya.

Beliau menambah, aktiviti penyelidikan oleh program sarjana dan siswazah di UBD yang selaras dengan sektor tenaga telah teliti untuk menggabungkan idea-idea baharu dan teknologi untuk industri tenaga mampan masa depan.

Majlis pelancaran turut menampilkan ucaptama yang disampaikan oleh Pengarah Teknikal BSP, Erik Legius; Ketua Hal Ehwal Alam Sekitar BSP, Michael Lampp; Pengurus



**NAIB Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan (kiri dan atas).**

Penyahtauliahan dan Pemulihan BSP, Awang Haji Idris bin Haji Jaafar; dan Centre for Advanced Material and Energy Sciences (CAMES), Dr. Haji Abdul Hanif Dato Paduka Haji Mahadi.

Bermula pada tahun 2018, PEF telah bekerjasama dengan institusi pendidikan tinggi untuk mempamerkan kajian teknikal dan teknologi canggih yang digunakan dalam Kejuruteraan Petroleum dan Geosains yang menyumbang kepada penerokaan selamat dan pengeluaran hidrokarbon di negara ini, sejajar dengan objektif Wawasan 2035 untuk mencapai individu yang berpendidikan tinggi, juga memacu pembangunan dan pertumbuhan Negara Brunei Darussalam yang akan terus memberikan kualiti hidup yang tinggi kepada rakyat dan mencapai ekonomi dinamik dan mampan.

PELITA BRUNEI

# ALSA Conference Brunei 2024 tutup tirai




**MAJLIS Penutup bagi ALSA Conference Brunei 2024 dihadiri oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku tetamu kehormat majlis.**

**Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**GADONG**, Khamis, 1 Februari. - Majlis Penutup bagi ALSA Conference Brunei 2024 yang diadakan di Goldstone Ballroom, Centrepoint Hotel, Gadong telah diadakan baru-baru ini anjuran Asian Law Students' Association (ALSA) Brunei.

Majlis dihadiri oleh, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat majlis.

Acara dimulakan dengan ucapan Pengerusi ALSA Conference Brunei 2024, Dayang Syafiah binti Abdul Hafidz diikuti dengan penyerahan anugerah pingat bagi sesi akademik yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Anugerah yang disampaikan termasuk Best Speaker dalam Sesi Open Thoughts yang dimenangi oleh Dayang Nur Syarifah binti Haji Amirul Elfri dari ahli ALSA Brunei dan Honorable Mention Speaker dalam Sesi Open Thoughts yang dimenangi oleh Rachel Rumiris Benedicta dari ALSA Indonesia.

Selain itu, OTG2 menerima Anugerah Best Position Paper dan Best Overall Group untuk Topik 1 dalam Sesi Open Thoughts. Dalam Topik 2, Kumpulan OTG5 meraih anugerah Best Position Paper, manakala OTG4 memenangi Best Overall Group. Best Position Paper dan Best Overall Group untuk Topik 3 dalam Sesi Open Thoughts dianugerahkan kepada Kumpulan OTG8.

Anugerah untuk Best Speaker dalam Mock Governing Council Meeting telah dimenangi oleh Jovanka Gabriella Mandalika dan Honorable Mention Speaker dalam Mock Governing Council Meeting telah dimenangi oleh Rachel Rumiris Benedicta.

Selain itu, Anugerah Best National Chapter dalam Open Thoughts diberikan kepada Jovanka Gabriella Mandalika, Awang Mohammad Norhadi Yussof@Yusreen bin Abdullah dan Dayang Ummul Aiman Najihah binti Mohammad Azami.

Majlis diteruskan lagi dengan acara penyerahan sijil penghargaan kepada penaja, diikuti dengan Persembahan Hadrah oleh para pelajar UNISSA dan Persembahan Silat Cekak Asli Brunei dan Kuntau oleh Badan Seni Silat Kumpulan Pertama. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

# 125 PESERTA PROGRAM INDUKSI TERIMA SIJIL

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BERAKAS**, Rabu, 31 Januari. - Program Induksi untuk para tenaga pengajar baharu Tahun 2024 Kementerian Pendidikan yang berlangsung selama lima hari menutup tirainya dengan penyampaian sijil kepada para peserta program.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang dikendalikan oleh Jabatan Pengurusan Pendidikan, Kementerian Pendidikan itu berlangsung di Dewan Tokyo, Airport Mall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi Majlis Penutup Program Induksi ini ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Pengarah Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah, selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu ketika berucap pada majlis tersebut menyarankan tenaga pengajar baharu untuk sentiasa meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan sentiasa peka dengan kaedah dan strategi terkini.

Dalam hal ini tambahnya, penguasaan kemahiran pendidikan Abad Ke-21 amat perlu untuk mengoptimumkan keberkesanan dan keberhasilan pengajaran. Para peserta jelasnya telahpun menunjukkan dedikasi dan komitmen yang baik, semangat serta penyertaan yang aktif dalam mengikuti semua taklimat, bengkel dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Majlis turut mendengarkan ucapan daripada wakil peserta program, Dayang Hayatul Shikin binti Abdulkhan diikuti dengan pembacaan Ikrar Guru beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Muhammad Darwish Aiman bin Anizam, salah seorang peserta program.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan kepada seramai 125 peserta program serta penyampaian cenderahati dan sijil penghargaan kepada penyampai-penyampai taklimat dan fasilitator yang terdiri daripada 25 buah jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Turut hadir pada majlis penutup ini ialah ketua-ketua jabatan, ketua-ketua kluster dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan



**PESERTA program membaca Ikrar Guru beramai-ramai.**



**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi Majlis Penutup Program Induksi.**

# PELANCARAN STESEN PENGECASAN PANTAS EV KEDUA

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad




**PELANCARAN kemudahan pengecas pantas Shell negara disempurnakan bersama oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Pemangku Pengarah Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan QAF Brunei; Pengarah Urusan BSM dan Pengurus Besar QAF Auto (atas kanan). Manakala gambar atas, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC menyaksikan kemudahan berkenaan.**



**BERIBI,** Khamis, 1 Februari . – Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (Brunei Shell Marketing Company – BSM) dengan kerjasama QAF Auto hari ini melancarkan kemudahan pengecas pantas Shell negara yang kedua bertempat di ruang pameran, pengedar BMW, di Beribi.

Pelancarannya disempurnakan bersama oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; Pemangku Pengarah Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Salam bin Haji Abdul Wahab; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan QAF Brunei, Albert Lau; Pengarah Urusan BSM, Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil; dan Pengurus Besar QAF Auto, Alisa Khoo.

Pengecas canggih khusus bagi Kenderaan Elektrik (EV) berkenaan ditempatkan di kawasan Perindustrian Beribi, mencerminkan satu langkah penting ke arah landskap automotif yang lebih mesra alam dan cekap tenaga di negara ini.

"Perkongsian strategik antara QAF Auto dan Shell ini memberikan kedua-dua syarikat kelebihan dalam pasaran yang sangat kompetitif dan mencerminkan arus peralihan dalam sektor automotif dan tenaga.

"Apabila EV kian menjadi tarikan kepada orang ramai, kami menjangkakan lonjakan dalam kerjasama dan inovasi yang akan mentakrifkan semula sempadan ekosistem EV. Bersama Shell, kami akan terus merintis penyelesaian mobiliti yang mampan dan maju ke hadapan," jelas Alisa Khoo.

Sementara itu, Awang Muhammad Norshafiee pula menjelaskan bahawa BSM juga berbesar hati berpeluang bekerjasama dengan QAF Auto untuk memberikan sokongan kepada pelanggan BMW dalam keperluan pemasangan dan pengecasan mereka.

"Apabila permintaan semakin meningkat, BSM akan terus mengambil pendekatan pragmatik dalam mengembangkan cas semula Shell di tapak semasa dalam perjalanan (*on-the-go*), runcit dan destinasi di seluruh negara.

"Dengan akses kepada salah satu penyedia penyelesaian pengecasan elektrik terbesar di seluruh dunia, kami sentiasa memastikan syarikat kami sentiasa dikemas kini dengan teknologi e-Mobiliti terkini yang diguna pakai di seluruh dunia, seperti yang ada hari ini di QAF Auto," ujarnya.

Bagi setiap pembelian BMW EV dari QAF Auto, para pelanggan akan mendapatkan pemasangan BMW Wallbox di rumah secara percuma, waranti lapan tahun atau 160,000 kilometer untuk sistem bateri voltan tinggi, waranti lanjutan BMW selama tiga tahun atau 200,000 kilometer (km), termasuk enam tahun BMW Service Inclusive tanpa had pada jarak perjalanan (*mileage*).

Pakej holistik berkenaan mengukuhkan cadangan bernilai bagi pemandu untuk beralih kepada mobiliti elektro dan seterusnya meningkatkan potensi QAF Auto sebagai penanda aras dalam memberikan sokongan *aftersales* yang luar biasa.

## JPP : Pautan teks pesanan ringkas tidak benar

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 31 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa jabatan ini telah pun menerima aduan daripada pelanggan jabatan pada 31 Januari 2024 berhubung dengan 'Perkhidmatan Pos Brunei: Tiada alamat dalam maklumat penghantaran, jadi pakej anda tidak boleh dihantar'. yang diterima melalui pesanan ringkas *https://shorturl.at/* dan; 'Maklumat anda salah. Bungkusan tidak boleh dihantar.' yang diterima melalui pesanan ringkas *https://lihi.cc.*

Sehubungan dengan ini, JPP ingin memaklumkan orang ramai khususnya pelanggan-pelanggan yang berurusan dengan jabatan bahawa pautan teks pesanan ringkas tersebut di atas adalah tidak benar dan jabatan ini tidak pernah meminta maklumat peribadi dan maklumat perbankan daripada pelanggan untuk mana-mana perkhidmatan yang sedia ada.

Orang ramai disarankan agar tidak mengongsikan maklumat peribadi dan kewangan dengan pihak yang tidak dikenali ketika dalam talian.

Pastikan kesahihannya terlebih dahulu sebelum menekan pautan yang diterima melalui SMS, WhatsApp atau media sosial dan pastikan untuk menggunakan laman web rasmi kerajaan iaitu *gov.bn* untuk sebarang urusan yang melibatkan perkongsian maklumat peribadi.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk sentiasa peka dan tidak terpedaya akan maklumat yang tidak pasti mengenai kesahihannya.

JPP akan sentiasa aktif melaksanakan pelbagai langkah keselamatan untuk melindungi pelanggan dari sebarang kejadian yang tidak diingini.

Dalam pada itu, pihak jabatan ini memohon kerjasama orang ramai untuk melaporkan sebarang kegiatan penipuan dalam talian dengan menghubungi BRUCert menerusi talian +673 2458001 atau e-mel *reporting@brucert.org.bn.*

JPP ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi.



# MAJLIS PEMBUBARAN, PELANTIKAN AJK BELIA DA'IE

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 2 Februari. - Majlis Pembubaran Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie 2021 / 2023 dan Pelantikan Baharu AJK Belia Da'ie Sesi 2023 / 2025 anjuran Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia (PKB), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah diadakan hari ini.

Majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI itu dihadiri oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah Ali-'Imran ayat 109-110 oleh Alumni Akademi Da'wah 4.0, Awang Nur 'Alim bin Abdullah Nordin, diikuti dengan ucapan alu-aluan dan perkongsian perjalanan Belia Da'ie bagi Sesi 2021 / 2023 yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Belia Da'ie, Dayang Siti Nur Rafhanah binti Awang Masri.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada AJK Belia Da'ie Sesi 2021 / 2023 kerana dengan jayanya menjalankan beberapa program, aktiviti dan majlis-majlis di bawah kendalian Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

Dalam menempuh pelbagai halangan, cabaran dan dugaan yang dihadapi dengan hati yang kuat juga minda yang terbuka, akhirnya mencapai kejayaan dalam menjalankan tugas dan amanah yang diberikan. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Urus Setia PKB, PDI selaku Penasihat Belia Da'ie kerana memberikan kepercayaan dalam menjalankan pelbagai aktiviti mahupun majlis.

Majlis diteruskan dengan ucapan penghargaan daripada tetamu kehormat majlis kepada Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie Sesi 2021 / 2023 atas khidmat mereka dalam melaksanakan tugas masing-masing dan diselajurkan dengan tetamu kehormat majlis merasmikan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie 2023 / 2025 kepada seramai 69 orang.

Tetamu kehormat majlis juga mengucapkan tahniah atas pelantikan itu dengan harapan agar dapat memberikan komitmen dan kerjasama serta buah fikiran yang padu bagi sama-sama menjayakan semua aktiviti yang akan diadakan oleh Badan Sukarelawan Belia Da'ie.

Seterusnya, Ketua Urus Setia Program Keugamaan Belia, Awang Isham bin Awang Ismail mengumumkan senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Da'ie bagi Sesi 2023 / 2025 seramai lapan orang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi Bersama, Setiausaha Bersama, Bendahari, Ketua Sumber Manusia dan Ketua Media yang mana jawatan Pengerusi Badan Sukarelawan Belia Da'ie 2023 / 2025 telah diberikan kepada Awang Mohammad Najiihuddin bin Nooralizam.

Selesai pengumuman, Ikrar Belia Da'ie telah dilaungkan dan majlis diteruskan lagi dengan tayangan video Ristaan Belia Da'ie Sepanjang Sesi 2021 / 2023 kemudiannya ditutup dengan bacaan Sayyidul Istighfar serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Adapun tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada AJK lama yang telah banyak menabur bakti untuk menaikkan nama baik Belia Da'ie dan menjadi satu penghormatan kepada mereka yang telah menggalas tanggungjawab yang besar sepanjang menjadi AJK Belia Da'ie.

Tambahan pula, Acara Pelantikan Baharu AJK bagi Tahun 2023 / 2025 ini dapat menjadi dorongan kepada AJK baharu untuk menjalankan tugasan dakwah dengan penuh amanah, dedikasi dan penuh tanggungjawab.



**PEMANGKU Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembubaran Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie 2021 / 2023 dan Pelantikan Baharu AJK Belia Da'ie Sesi 2023 / 2025.**



**IKRAR Belia Da'ie dilaungkan pada majlis berkenaan.**

# Kepentingan solat, tanggungjawab ibu bapa diketengahkan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad




**BERAKAS**, Rabu, 31 Januari. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) mengadakan Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-67 Tahun 1445H / 2024M yang diadakan di Dewan Persidangan, PDI, Berakas, di sini.

Seramai 130 peserta daripada Jabatanarah Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan; Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam serta pensyarah dan penolong pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama; pensyarah dan penolong pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Da'ie-da'ie daripada jabatan-jabatan kerajaan dan swasta; dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam; serta para pegawai dan kakitangan PDI, menghadiri acara tersebut.

Hadir selaku fasilitator jemputan bagi halaqah tersebut, Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KUPU SB, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Acara halaqah dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dan seterusnya pembentangan bertajuk 'Sembahyang Tiang Ugama'.

Inti pati halaqah membincangkan mengenai kepentingan sembahyang serta pendekatan atau tanggungjawab ibu bapa dalam pendidikan anak supaya taat solat menurut Abdullah Nasih Ulwan.

Sejurus selesai pembentangan oleh fasilitator jemputan, sesi perbincangan dan soal jawab dibukakan kepada para peserta dan jemputan.

Acara diteruskan lagi dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah PDI.

Objektif Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-67 ini diadakan adalah bagi menyelaraskan isi kandungan ceramah agar isu / tajuk yang disampaikan oleh para penceramah terus konsisten dan sentiasa relevan dengan peredaran masa dan zaman.

Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-67 ini diharap akan dapat mencapai objektif dan sasaran yang dihasratkan, iaitu bagi memberi ilmu pengetahuan, berkongsi isu dan bertukar-tukar fikiran berkaitan dengan tajuk ceramah yang disampaikan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.



**TURUT hadir, Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman (atas), manakala gambar kiri, hadir selaku fasilitator jemputan bagi halaqah tersebut, Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, KUPU SB, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.**



**ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.**

JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# BURUKNYA TERLALU CINTA DAN KASIHKAN DUNIA

*Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 21 Rejab 1445H/2 Februari 2024M*

**Agama kita melarang umatnya dari cinta dan kasihkan dunia yang keterlaluan**

**Apa yang dimaksudkan dengan cinta dan kasihkan dunia?**

Mengutamakan perbuatan/apa jua yang ada di dunia ini yang tidak memberikan manfaat kepada diri sesudah mati



**Imam As-Syafie Rahimahullah memberi wasiat bahawa barangsiapa yang ingin meninggalkan dunia dengan selamat, maka hendaklah dia menunaikan sepuluh perkara:**

## HAK KEPADA DIRI

- Mengurangkan tidur, makan dan percakapan
- Berpada-pada dengan rezeki yang ada

## HAK KEPADA MALAIKAT MAUT

- Mengqadha' kewajipan-kewajipan yang tertinggal
- Mendapatkan kemaafan daripada orang yang dizalimi
- Membuat persediaan sebelum mati
- Berasa cinta kepada Allah SWT

## HAK KEPADA KUBUR

- Membuang tabiat suka menabur fitnah dan kencing merata-rata
- Memperbanyakkan sembahyang Tahajjud
- Membantu orang yang dizalimi

## HAK KEPADA MALAIKAT MUNKAR DAN NAKIR

- Tidak berdusta
- Meninggalkan maksiat
- Nasihat-menasihati

## HAK KEPADA MIZAN (TIMBANGAN AMAL)

- Menahan kemarahan
- Banyak berzikir
- Mengikhlaskan amalan dan sanggup menanggung kesulitan

## HAK KEPADA TITIAN SIRAT

- Membuang tabiat suka mengumpat
- Wara'
- Suka membantu orang beriman
- Suka berjemaah

## HAK KEPADA MALAIKAT MALIK

- Banyak menangis kerana takut kepada azab Allah SWT
- Berbuat baik kepada ibu bapa
- Bersedekah secara terang dan sembunyi
- Memperelokkan akhlak

## HAK KEPADA MALAIKAT RIDHWAN

- Redha kepada Allah SWT
- Bersabar ketika menerima bala
- Bersyukur kepada nikmat Allah SWT
- Bertaubat daripada maksiat

## HAK KEPADA RASULULLAH SAW

- Berselawat ke atasnya
- Berpegang dengan syariat
- Bergantung dengan Sunnah
- Menyayangi para Sahabat
- Bersaing dalam mencari kelebihan daripada Allah SWT

## HAK KEPADA ALLAH SWT

- Mengajak manusia ke arah kebaikan
- Mencegah manusia daripada kemungkaran
- Menyukai ketaatan dan membenci kemaksiatan

*Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam*

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

اَللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يڠ مماوا كبراونتوڠن ساغت بسر كڤد ڤغعملن ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# Buruknya terlalu cinta dan kasihkan dunia




BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Dunia adalah tempat persinggahan dengan tipu daya yang boleh melalaikan manusia daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.Terdapat segelintir manusia pada hari ini terlalu lalai dan leka dengan keasyikan permainan dan perhiasan duniawi. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hadid, ayat 20 :

**Tafsirnya :** "*Ketahuilah sesungguhnya kehidupan dunia hanyalah permainan dan senda gurau (semata-mata) dan perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berlumba-lumba membanyakkan harta dan anak-pinak, samalah seperti air hujan yang mengagumkan para petani (kerana menjadikan) tanam-tanamannya subur kemudian menjadi kering maka engkau melihatnya menjadi kuning kemudian menjadi hancur berderai. Dan di akhirat kelak ada azab yang berat dan keampunan daripada Allah serta keredaan-Nya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan*".

Agama kita melarang umatnya daripada cinta dan kasihkan dunia yang keterlaluan. Cinta dan kasihkan dunia itu bermaksud mengutamakan perbuatan atau mengutamakan apa jua yang ada di dunia ini, yang tidak memberi manfaat kepada diri sesudah mati seperti mengutamakan kehendak hawa nafsu yang dilarang oleh syarak atau mengutamakan perhiasan dunia seperti harta kekayaan dan anak-pinak sehingga melalaikan diri daripada menunaikan kewajipan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya tidak salah jika seseorang itu ingin mencari harta benda dan kekayaan yang melimpah ruah akan tetapi alangkah baiknya jika segala kekayaan dan harta benda itu digunakan sebagai jalan untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sedekahkan, wakafkan dan infakkanlah rezeki yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala ke jalan kebaikan dan kebajikan, bukan digunakan untuk perkara-perkara maksiat dan sia-sia. Daripada Said bin Al-Musa'ib Radiallahuanhu dan Urwah bin Az-Zubair Radiallahuanhu bahawa Hakim bin Hizam Radiallahuanhu berkata, "*Aku pernah meminta sesuatu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka Baginda pun memberi (sesuatu tersebut) kepadaku. Kemudian aku meminta lagi dan Baginda memberiku, lalu Baginda bersabda kepadaku : "Wahai Hakim, sesungguhnya harta itu hijau lagi manis. Barang siapa yang mencarinya untuk ketulusan dirinya (tidak tamak dan tidak mengemis) maka harta itu akan memberkatinya. Namun barang siapa yang mencarinya untuk keserakahan, maka harta itu tidak akan memberkatinya, seperti orang yang makan namun tidak kenyang. Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyebut perihal sikap terlalu cinta dan kasih terhadap dunia. Daripada Zaid bin Tsabit Radiallahuanhu, bahawa ia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Barang siapa tujuan hidupnya adalah dunia, maka Allah akan mencerai-beraikan urusannya, menjadikan kefakiran di kedua pelopok matanya, dan ia tidak mendapatkan dunia kecuali menurut ketentuan yang telah ditetapkan baginya. Barang siapa yang niat (tujuan) hidupnya adalah negeri akhirat, Allah akan mengumpulkan urusannya, menjadikan kekayaan di hatinya dan dunia akan mendatanginya dalam keadaan hina*". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Perlu diketahui bahawa apabila seseorang itu menjadikan dunia sebagai tujuan dan matlamat hidupnya berbanding kehidupan akhirat, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan membuat urusan dunianya menjadi sukar, menjadikan hidupnya sentiasa dipenuhi dengan rasa gelisah, berasa takut akan kemiskinan kerana hatinya selalu berasa tidak cukup dengan apa yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya.

Sesungguhnya antara punca utama kebanyakan manusia itu terlalu cinta dan kasihkan dunia ialah kerana lemahnya iman, mereka lupa dan tidak pernah memikirkan bahawa kehidupan hari akhirat itu adalah lebih baik daripada kehidupan di dunia yang hanya bersifat sementara. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ghafir, ayat 39 :

**Tafsirnya :** "*Wahai kaum-Ku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara sahaja) dan sesungguhnya (kehidupan) akhirat itulah sahaja negeri yang kekal*".

Imam Al-Syafii Rahimahullah memberi wasiat bahawa barang siapa yang ingn meninggalkan dunia dengan selamat, maka hendaklah dia menunaikan 10 perkara :

**Pertama :** Hak kepada diri iaitu mengurangkan tidur, mengurangkan makan, mengurangkan percakapan dan berpada-pada dengan rezeki yang ada.

**Kedua :** Hak kepada Malaikat Maut iaitu mengqada kewajipan-kewajipan yang tertinggal, mendapatkan kemaafan daripada orang yang dizalimi, membuat persediaan sebelum mati dan berasa cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Ketiga :** Hak kepada kubur iaitu membuang tabiat suka menabur fitnah, membuang tabiat kencing merata-rata, memperbanyakkan Sembahyang Tahjud dan membantu orang yang dizalimi.

**Keempat :** Hak kepada Malaikat Munkar dan Nakir iaitu tidak berdusta, meninggalkan maksiat dan nasihat-menasihati.

**Kelima :** Hak kepada Mizan (timbangan amal) iaitu menahan kemarahan, banyak berzikir, mengikhlaskan amalan dan sanggup menanggung kesulitan.

**Keenam :** Hak kepada Titian Sirat iaitu membuang tabiat suka mengumpat, warak, suka membantu orang beriman dan suka berjemaah.

**Ketujuh :** Hak kepada Malaikat Malik iaitu banyak menangis kerana takut kepada azab Allah Subhanahu Wata'ala, berbuat baik kepada kedua ibu bapa, bersedekah secara terang dan sembunyi serta memperelokkan akhlak.

**Kelapan :** Hak kepada Malaikat Riduan iaitu reda kepada qada Allah Subhanahu Wata'ala, bersabar ketika menerima bala, bersyukur kepada nikmat Allah dan bertaubat daripada maksiat.

**Kesembilan :** Hak kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu berselawat ke atasnya, berpegang dengan syariat, bergantung dengan sunah, menyayangi para sahabat dan bersaing dalam mencari kelebihan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Ke-10 :** Hak kepada Allah Subhanahu Wata'ala iaitu mengajak manusia ke arah kebaikan, mencegah manusia daripada kemungkaran, menyukai ketaatan dan membenci kemaksiatan.

Oleh yang demikian, janganlah kita menjadi orang yang rugi dan menyesal di hari akhirat kelak kerana kita terlalu lalai dan leka dengan keindahan dan tipu daya duniawi. Akhirnya sama-samalah kita berdosa semoga kita dan keluarga kita menjadi orang-orang yang beriman, bertakwa, beramal soleh, tidak dilalaikan dengan urusan harta benda dunia dan seterusnya tergolong dalam golongan orang yang mendapat kebaikan di dunia dan juga di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Wahai manusia! Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar maka janganlah sekali-kali kehidupan dunia itu memperdayakan kamu dan janganlah pula sekali-kali syaitan memperdayakan kamu daripada (beriman kepada) Allah*". (Surah Fatir, ayat 5)

# JPP keluarkan sampul surat, setem sempena Penubuhan Ke-100 Tahun PPDB













**SAMPUL Surat Rasmi Hari Pertama dan Setem Kenang-kenangan sempena Penubuhan Ke-100 Tahun Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (gambar-gambar di atas).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Pos**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 31 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Negara Brunei Darussalam mengeluarkan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dan Setem Kenang-kenangan sempena Penubuhan Ke-100 Tahun Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pada Khamis, 20 Rejab 1445H bersamaan 1 Februari 2024M.

Keluaran Setem Kenang-kenangan ini merupakan inisiatif PPDB bagi memperingati Ulang Tahun Ke-100 PPDB sejak penubuhannya pada tahun 1921.

Oleh itu, JPP mengeluarkan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dan enam keping setem.

Produk-produk setem yang akan dijual adalah seperti Sampul Surat Rasmi Hari Pertama Bersetem berharga BND3.45 sekeping; Sampul Surat Rasmi Hari Pertama Tanpa Setem berharga BND0.45 sekeping; Setem enam keping masing-masing berharga BND0.50 sen sekeping; dan Setem Set Penuh (enam keping) berharga BND3.

Sementara butiran teknikal reka bentuk setem adalah reka bentuk daripada PPDB; Ukuran setem : 40mmx30mm; Proses pencetakan : Offset lithography 300 Lines Per Inch; Jenis kertas : Arconvert Gummed Stamp Paper 110gsm; Nombor Lembaran Setem Bersiri : 0001 - 3500; dan Perlubangan setem: 14.40x14.167.

Penggemar-penggemar koleksi setem dan orang ramai boleh memperoleh Setem Kenang-kenangan sempena Penubuhan Ke-100 Tahun PPDB dengan mengunjungi cawangan-cawangan pejabat pos yang berdekatan dari jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pemasaran, Filatelik dan Perhubungan Awam melalui talian +673 7291679 atau +673 2222191 atau melalui e-mel di *brustamp@post.gov.bn.*







# PENGEMASKINIAN ALERT LIST BDCB

**Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 1 Februari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan BDCB atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan. BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi bulan Januari 2024 adalah seperti berikut : *Admin Pelaburan Fast* (FB Profile) (7300263); *Azman Bin Yusof* (FB Profile) / *Muhamed Saiful* (FB Profile (8607435); *bdreliableinvs* (IG profile); *Haji Mohd Yussop* (IG Profile); *Loan Trusted Brunei Darussalam* (8130242 / 7311997); *Investment Online US Dollars; Jering Tauke* (FB Profile); *Loan barang ambil cash* (FB Profile) (8351409); *Opus Asset Management (allegedly misusing "Opus Asset Management Sdn Bhd"); Personal Usin Loans* (8625983 / 8117247); *Pelaburan Victory Brunei / Pelaburan Victory* (8949723); *Syarikat MN864 / Online Transfer864* (8328864); dan *VT Markets.*

Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap entiti atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan Skim Cepat Kaya dan Skim Piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang. Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan entiti, syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di *www.bdcb.gov.bn* atau Instagram BDCB *@centralbank.brunei* untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel melalui *fci@bdcb.gov.bn*.

# Keputusan BCGCE Peringkat 'O', IGCSE dikeluarkan

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

**BERAKAS,** Khamis, 1 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan pada hari ini mengeluarkan keputusan peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'O' dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) Sesi Oktober / November 2023.

Bagi pencapaian calon Peperiksaan BCGCE Peringkat 'O' / IGCSE pada peringkat nasional, seramai 5,738 calon menduduki peperiksaan pada Sesi Oktober / November 2023.

Daripada jumlah berkenaan, 5,621 (97.96 peratus) adalah calon sekolah dan 117 (2.04 peratus) calon persendirian.

Pada peringkat nasional, seramai 1,135 calon (19.78 peratus) memperoleh 8 'O' Level dan IGCSE ke atas dan 2,512 calon (43.78 peratus) memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas pada peperiksaan Sesi Oktober / November 2023.

Manakala, calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,946 calon (51.34 peratus).

Pada peringkat sekolah, seramai 1,135 calon (20.19 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya 8 'O' Level dan IGCSE ke atas.

Sementara yang memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,512 calon (44.69 peratus).

Manakala, calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,946 (52.41 peratus).

Daripada 4,783 calon sekolah kerajaan, seramai 806 calon (16.85 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya 8 'O' Level dan IGCSE ke atas dan 1,926 calon (40.27 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level dan IGCSE ke atas.

Manakala, calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,306 (48.21 peratus).

Bagi calon sekolah swasta, daripada seramai 838 calon, seramai 329 calon (39.26 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya 8 'O' Level dan IGCSE ke atas dan 586 calon (69.93 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level dan IGCSE ke atas.

Sementara 640 calon (76.37 peratus) mendapat sekurang-kurangnya 4 'O' Level dan IGCSE ke atas dalam peperiksaan Sesi Oktober / November 2023.

Di samping itu, seramai 62 calon sekolah (1.10 peratus) mendapat Gred A*/A dalam lapan hingga 10 mata pelajaran, dan 20 daripadanya adalah terdiri daripada calon sekolah kerajaan.

Pencapaian calon sekolah yang memperoleh Gred A*/A (Distinction 1/2) dalam lima hingga 10 mata pelajaran, iaitu 10 mata pelajaran seramai empat calon; sembilan mata pelajaran seramai 20 calon; dan lapan mata pelajaran seramai 38 calon.

Sebanyak 18 daripada 49 buah sekolah yang terdiri daripada 13 buah sekolah kerajaan dan lima buah sekolah swasta menunjukkan peningkatan di antara 0.32 peratus dan 42.31 peratus daripada pencapaian 2022.

Bagi pencapaian dalam mata pelajaran BCGCE Peringkat 'O' dan IGCSE, peratus prestasi calon peringkat nasional dalam mata pelajaran utama yang mendapat Gred A hingga C adalah di antara 5.01 peratus dan 79.97 peratus.

Manakala terdapat sejumlah enam mata pelajaran lain di peringkat nasional (Gred A hingga C) yang mencapai sekurang-kurangnya 50.00 peratus dalam peperiksaan Sesi Oktober / November 2023.

Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa para penuntut yang mengambil peperiksaan berkenaan bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing.

Manakala para calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Dalam perkara berkenaan juga, bagi mana-mana calon yang berhasrat untuk memperbaiki pencapaian keputusan Peperiksaan BCGCE Peringkat 'O' dan IGCSE, pendaftaran bagi Mei / Jun 2024 masih dibukakan dan tarikh tutup pendaftaran ialah Khamis, 15 Februari 2024.

Bagi para calon sekolah yang berhasrat untuk mendaftar Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE Sesi Mei / Jun 2024 hendaklah melalui pihak sekolah masing-masing.

Maklumat lanjut bagi pendaftaran peperiksaan bagi Mei/Jun 2024 bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di *www.moe.gov.bn* atau datang terus ke Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.




| | Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan | Jabatan dan Kementerian | Kekosongan | Jenis Iklan | Tarikh Tutup Permohonan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PEMBANTU PERANCANG BANDAR DAN DESA TINGKAT I** D.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2024/JAN/22 | JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | 01 | 7(A) | 10 FEBRUARI 2024 |
| 2. | ***TRADESMAN* TINGKAT I** E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2024/JAN/21 | JABATAN -JABATAN KERAJAAN | 01 | 7(A) | 10 FEBRUARI 2024 |
| 3. | **KETUA PASUKAN** D.1-2 EB.3 [BAHAGIAN IV] 2024/JAN/24 | PUSAT KHIDMAT KESIHATAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN PERTAHANAN | 01 | 7(A) | 12 FEBRUARI 2024 |
| 4. | **PEMBANTU PENYELIDIK TINGKAT II** D.1-2 EB.3-4 (BAHAGIAN IV) 2024/JAN/26 | BIRO MENCEGAH RASUAH, JABATAN PERDANA MENTERI | 01 | 7(A) LUAR BIDANG | 14 FEBRUARI 2024 |
| 5. | **PEMBANTU STAF TINGKAT II** D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2024/JAN/25 | JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI, JABATAN PERDANA MENTERI | 10 | 38(A) GAJI HARI | 14 FEBRUARI 2024 |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".

2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.

3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

---

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Jabatan Perbendaharaan**
**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran :**
JPKK / LTK2324-T01 / ADM

**Tajuk Tawaran:**
Membekalkan Pelbagai Barang Cetak Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Tarikh Tutup / Jam :**
Selasa, 13 Februari 2024 – 2.00 Petang

**Tempat Menghantar Tawaran :**
Peti Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi,
Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan,
Negara Brunei Darussalam.

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**
IV sahaja

**Kategori :**
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
27 Februari 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / BBA 01 / 2024

**Nama Projek:**
Program Peningkatan Dan Pembaikan Infrastruktur Jambatan – Pakej 2 Pembinaan Jejantas Pejalan Kaki Di Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
II

**Kategori :**
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
13 Februari 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
27 Februari 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DTS / 03 / CQS / 2024 – T/II

**Nama Projek :**
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah Susur Di Jalan Selapon, Daerah Temburong

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**
MFA / ICC / ACSM / 01 / 2024

**Tajuk Tawaran :**
Term Contract For Operation And Maintenance Works For Air-Conditioning System At International Convention Centre, Ministry Of Foreign Affairs For A Period Of Two (2) Years – FSOR

**Kategori:**
M01, M03, E01

**Bayaran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Tawaran:**
Khamis, 22 Februari 2024
Jam 3.00 petang.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 27 Februari 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005**

**Saman Gantian**

**Dalam Mahkamah Rendah Syariah**

**Di Daerah Brunei dan Muara Dalam Negara Brunei Darussalam**

**Saman No :**
**BM / MRS / P012A / P012A / 0052 / 01-2024**

**Kes Induk :**
**BM / MRS / MAL-B / MAL-B / P002A / 0051 / 01-2024**

**Antara**

**Nur Amalzariah binti Mohammad Amirhussli**
**- Plaintif (Pemohon)**

**dan**

**Mohammad Amirhussli bin Md. Ali**
**- Defendan (Responden)**

**Kepada : Mohammad Amirhussli bin Md. Ali, No Kad Pintar : 00-129721 [Kuning], beralamat [Alamat Terakhir] :- No 26, Kampung Sengkarai, Tutong, TA2341, Negara Brunei Darussalam.**

Kamu adalah dengan ini di saman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara pada **Sabtu, 22 Rejab 1445H / 3 Februari 2024M pada jam 10.30 Pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas bagi **Permohonan Berwali Hakim kerana Tidak Dapat Dikesan.**

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan. Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh pada :**
**13 Rejab 1445H /**
**25 Januari 2024M**

---

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Kes No.**
**BCY / CP / 677 / 2009**

**Nama Penghutang :** Rosli bin Orang Kaya Setia Ahmad (BYIC No.: 00-122612). **Alamat -** No. 662, Kg. Negalang, Jalan Labu Temburong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 677 Tahun 2009**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 7.9%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama. **Bila Kena Dibayar -** 11 Januari 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
30 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Kes No.**
**BCY / CP / 219 / 2011**

**Nama Penghutang -** Mohammad Na'im bin Haji Ahmad (BYIC No.: 00-272826). **Alamat -** No. 12, Simpang 82, Kampong Kapok Kiri, Jalan Muara, BT2328, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 219 Tahun 2011**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 0.48%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama. **Bila Kena Dibayar -** 22 November 2023. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
3 Januari 2024

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga dan Terakhir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 57 / 2010**

**>> Muka 21**

>> Muka 20

**Nama Penghutang -** Karmilawati binti Haji Kahar (Penghutang Penghakiman Kedua - 00256491). **Alamat -** No. 5, Simpang 46-30, Kg. Madang, Jalan Madang, Berakas B, BC3715, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 57 Tahun 2010**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir. **Bila Kena Dibayar -** 27 Disember 2023. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
3 Januari 2024

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 120 / 2007**

**Nama Penghutang -** Fung Ah Chan (Mendiang - 00-053660). **Alamat -** PO Box 68, MPC Old Airport, Berakas, BC3557, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 120 Tahun 2007**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 63%**. Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir. **Bila Kena Dibayar -** 3 Januari 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
3 Januari 2024

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Kes No.**
**BCY / CP / 75 / 2006**

**Nama Penghutang -** Mohd Shafiee bin Haji Othman / Haji Osman (00-265704). **Alamat -** No. 9, Simpang 8-5, Kg. Bukit Panggal, Tutong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 75 Tahun 2006**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 63%**. Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir. **Bila Kena Dibayar -** 27 Disember 2023. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
26 Disember 2023

**Kes No**
**BCY / CP / 44 / 2017**

**Baiduri Finance Berhad (Formerly known as HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mardhiah binti Haji Omar (00-271514)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 28 Oktober 2017 telah dibatalkan pada 20 Januari 2024.

**Nama Penghutang :**
**Mardhiah binti Haji Omar**

**Alamat Penghutang :**
**No. 150, Jalan 77, Perpindahan Lambak Kanan, Bandar Seri Begawan, BC2515, Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**24 Januari 2024**

**Kes No**
**BCY / CP / 318 / 2010**

**BIBD AT-Tamwil Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mazlan bin Japaruddin (00-281245)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 28 Mei 2011 telah dibatalkan pada 20 Januari 2024.

**Nama Penghutang :**
**Mazlan bin Japaruddin**

**Alamat Penghutang :**
**No. 204, Kampung Tungku Katok, Gadong, BE2119, Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
**24 Januari 2024**

**Pg Siti Nursu'aidah binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Negara Brunei Darussalam**

---

**MAHKAMAH BESAR**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 590 / 2019**

**BIBD AT-Tamwil Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Hj Muhammad Jamil bin Abdullah Abai (00-055554)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Disember 2023.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Hj Muhammad Jamil bin Abdullah Abai**
**No. 689, Simpang 689, Kg. Sungai Besar, Jalan Kota Batu**

**atau**

**No. 14, Lot 7625, Simpang 69-29-4, RPN Kg. Pandan, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
11 Februari 2020

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
16 Januari 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 Disember 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 26 Februari 2024, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 26 Februari 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
16 Januari 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 10 / 2022**

**Baiduri Bank Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Fung Ah Chan (00-053660)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Disember 2023.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Fung Ah Chan**
**No. 129, Kg. Sabun, Muara Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
16 September 2022

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
18 Januari 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 Disember 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 26 Februari 2024, jam 10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 26 Februari 2024, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
18 Januari 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 36 / 2021**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohammad Hairul Hakimin bin Haji Taib (00-283869)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 November 2023.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Mohammad Hairul Hakimin bin Haji Taib**
**No. 142, Simpang Jalan Kayu Sumah, RPN Bukit Beruang Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Permohonan :
6 September 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
20 Januari 2024

**Kes No**
**BCY / CP / 141 / 2015**

**Perbadanan TAIB**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Junaidah binti Ismail (00-115199)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 21 November 2015 telah dibatalkan pada 14 Disember 2023.

**Nama Penghutang :**
**Junaidah binti Ismail**

**Alamat Penghutang :**
**No. 20, Simpang 245-7, Jalan Wasai Limuru, RPN Kg. Meragang Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh :
12 Januari 2024

**Kes No**
**BCY / CP / 179 / 2014**

**Baiduri Finance Berhad (Previously known as HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Siti Zaharah binti Haji Mohammad Akip (00-049129)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada telah dibatalkan pada 7 Disember 2023.

**Nama Penghutang :**
**Siti Zaharah binti Haji Mohammad Akip**

**Alamat Penghutang :**
**No. 59, Simpang 1185-73-193-11, RPN Bukit Beruang Tutong Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh :
10 Januari 2024

**Muhammad Syafiq bin Awang Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**

MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 238 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohammad Hairul Fadli bin Suhaili**
**(01-040135)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Disember 2023.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Mohammad Hairul Fadli bin Suhaili**
**No. 37, Block C, Simpang 53,**
**Jalan Sungai Besar,**
**Bukit Bendera, Tutong,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
5 Oktober 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
18 Januari 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Disember 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 1 April 2024, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **1 April 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
18 Januari 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 246 / 2023**

**Malayan Banking Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Haji Norahmadi bin Haji Kefli**
**(00-257151)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 Disember 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Haji Norahmadi bin Haji Kefli**
**No. 6C, Simpang 363-29-43-14,**
**RPN Kampung Pandan,**
**Kuala Belait, KA2131,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
2 Disember 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**
6 Januari 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Disember 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 26 Februari 2024, jam 11.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Februari 2024, jam 11.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
6 Januari 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 181 / 2020**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Norizan bin Haji Ismail**
**(00-269846)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 16 September 2023.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Norizan bin Haji Ismail**
**No. 3, Simpang 68,**
**Kampung Sinaut,**
**Jalan Meragang,**
**TB1741,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
31 Julai 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
16 Januari 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 215 / 2000**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad (Formerly known as Baiduri Bank Bhd)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Awang Othman bin Awang Zainal Abidin @ Awang Ed**
**(00-128811)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 16 September 2023.

**Nama dan alamat Bankrap:**
**Awang Othman bin Awang Zainal Abidin @ Awang Ed**
**No. 5, Jalan 17,**
**Simpang 18,**
**RPN Lambak Kanan, BC2915,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
15 Jun 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
22 Januari 2024

**Kes No**
**BCY / CP / 234 / 2009**

**Baiduri Finance Berhad (Previously known as HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Haji Roslin bin Haji Metasan (Deceased) (00-254972)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 15 April 2010 telah dibatalkan pada 16 Disember 2023.

**Nama Penghutang :**
**Haji Roslin bin Haji Metasan (Deceased)**

**Alamat Penghutang :**
**No. 2, Block C, Perumahan Bomba & Penyelamat, Kampung Pengkalan Batu, BH1123,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
10 Januari 2024

**Kes No**
**BCY / CP / 461 / 2010**

**Baiduri Finance Berhad (Previously known as HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Haji Masir bin Haji Mohamad**
**(00-064899)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 2 Disember 2010 telah dibatalkan pada 21 Disember 2023.

**Nama Penghutang :**
**Haji Masir bin Haji Mohamad**

**Alamat Penghutang :**
**No. 48, Jalan 35, Perpindahan Rimba, Gadong, BE3319**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
10 Januari 2024

**Kes No**
**BCY / CP / 16 / 1999**

**Standard Chartered Bank**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Paul Chiew Yun Choi**
**(30-102086)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 14 Julai 1999 telah dibatalkan pada 9 Disember 2023.

**Nama Penghutang :**
**Paul Chiew Yun Choi**

**Alamat Penghutang :**
**Perumahan Yayasan, Kg Pancha Delima 1, Berakas A, BB4713,**
**Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh :
8 Januari 2024

**Kes No**
**BCY / CP / 164 / 2005**

**Royal Brunei Catering Sdn Bhd**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Dk Hajah Nailah binti Pg Haji Damit / Ahmad**
**(00-071688)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 1 Disember 2005 telah dibatalkan pada 14 Oktober 2023.

**Nama Penghutang :**
**Dk Hajah Nailah binti Pg Haji Damit / Ahmad**

**Alamat Penghutang :**
**No. 13, Simpang 51-54, Kampung Menglait, Gadong, BE3719,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
13 Januari 2024

**Hajah Normazdina binti Haji Md. Maskub**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

# KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

## GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

## TIPS

1. Pilih makanan segar dan tidak berproses
2. Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3. Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4. Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5. Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

## JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**1385 mg**



1 bungkus
**Mee Segera**

**1000 mg**



Sebiji
**Telur Masin**

**880 mg**



1 sudu makan
**Kicap**

**376 mg**



3 sudu makan
***Corned Beef***

**295 mg**



1 bungkus kecil
**Keropok Ubi Kentang**

**243 mg**



1 bungkus kecil
**Keropok Udang Tempatan**

**120 mg**



1 cawan
**Kentang Goreng**

**116 mg**



Segenggam
**Kacang Tanah (Salted)**

**15 mg**



3 keping
**Kraker Beras**

**2.4 mg**



1/2 cawan
**Amping**

**1.7 mg**



Segenggam
**Kacang Tanah (Unsalted)**

**1.2 mg**



Sebiji ukuran sederhana
**Pisang**

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium)** sehari

**Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok**

hpcbrunei | Health Promotion Centre | Talian Darussalam 123

# BDCB TERBITKAN BSI BAGI DISEMBER 2023

**Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 31 Januari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Disember 2023.

Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas hampir 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek, termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara. Menurut Siaran Akhbar BDCB, terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu Sub-indeks Keadaan Perniagaan adalah 50.0 bagi Disember 2023.

Ini menunjukkan perniagaan di sektor swasta, secara amnya, menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya, walaupun terdapat perbezaan sentimen mengikut sektor.

Kebanyakan perniagaan mengongsikan jangkaan kelembapan aktiviti perniagaan disebabkan peningkatan aktiviti melancong ke luar negara dan pengambilan cuti oleh pekerja pada Disember.

Namun, beberapa perniagaan berpandangan positif dengan adanya promosi jualan hujung tahun Salesbration termasuk jualan kembali ke sekolah (*back to school sales*). Indeks bagi satu bulan (1M) ke hadapan berada di tahap 50.5, menunjukkan tahap aktiviti perniagaan dijangka akan lebih baik bagi Januari 2024 berbanding dengan Disember 2023.

Walaupun sebahagian besar pandangan optimistik ini berkaitan dengan trend tahunan aktiviti perniagaan yang meningkat, faktor-faktor lain termasuk pemulihan permintaan domestik, permulaan penggal persekolahan, Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja dan perayaan Tahun Baharu Cina juga dijangka akan meningkatkan prestasi perniagaan pada Januari 2024. Terdapat juga beberapa perniagaan yang mengongsikan jangkaan projek-projek baharu dan pembukaan cawangan baharu.







Sub-indeks Pelaburan adalah 50.1 bagi Disember 2023, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga menjangka sedikit peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan pada Disember 2023, dan akan mengekalkannya bagi Januari 2024.

Perbelanjaan pelaburan ini termasuk pengubahsuaian pejabat dan kedai dan pembelian bahan, peralatan dan mesin baharu untuk menjalankan projek. Memandang ke hadapan, perniagaan menjangka peningkatan perbelanjaan pelaburan bagi pengembangan premis perniagaan dan inventori tambahan bagi persediaan bulan Ramadan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Sub-indeks Pengambilan Pekerja adalah 50.4 bagi Disember 2023 dan 50.6 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, terdapat perancangan untuk menambah jumlah pekerja pada Disember 2023 dan Januari 2024 di mana para peniaga terus mengambil tenaga kerja bagi persiapan untuk acara-acara hujung tahun dan projek / kontrak baharu dan juga untuk mengganti pekerja-pekerja yang telah berhenti.

Sub-indeks Kos Perniagaan adalah 49.7 bagi Disember 2023 dan 50.1 bagi satu bulan ke hadapan. Walaupun para peniaga, secara amnya, menjangka peningkatan kos menjalankan perniagaan pada Disember 2023, sub-indeks Kos Perniagaan secara keseluruhan telah menurun didorong oleh Sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan yang mengalami penurunan harga bahan-bahan mentah.

Bagi Januari 2024, para peniaga menjangka sedikit peningkatan dalam kos operasi perniagaan. Ini berkaitan dengan pelbagai faktor seperti kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan, pembelian bahan-bahan mentah, kos berkaitan dengan pemasaran dan juga persiapan bagi acara-acara tertentu. Sebahagian perniagaan juga mengongsikan jangkaan peningkatan kos kakitangan dengan adanya pengambilan pekerja baharu, kenaikan gaji tahunan bagi sebahagian pekerja dan pembayaran bonus tahunan.

Dari segi Sektor Ekonomi, tiga daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik pada Disember 2023. Sektor

| Nilai BSI | Ulasan |
|---|---|
| Atas 50 | Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |
| 50 | Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya |
| Bawah 50 | Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |

| BSI Disember 2023 | |
|---|---|
| Keadaan Perniagaan | 50.0 |
| Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan | 50.5 |
| Pelaburan | 50.1 |
| Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan | 50.0 |
| Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan | 50.1 |
| Pengambilan Pekerja | 50.4 |
| Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan | 50.6 |
| Kos Perniagaan Bulan Ini | 49.7 |
| Kos Satu Bulan ke Hadapan | 50.1 |

| Keadaan Perniagaan Disember 2023 Mengikut Sektor | |
|---|---|
| Pengangkutan & Komunikasi | 50.8 |
| Hotel & Restoran | 50.4 |
| Kewangan & Insurans | 50.3 |
| Pembuatan | 50.0 |
| Minyak & Gas dan yang Berkaitan | 50.0 |
| Perdagangan Borong & Runcit | 50.0 |
| Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan | 49.9 |
| Harta Tanah & Pemilikan Kediaman | 49.9 |
| Perkhidmatan Lain | 49.8 |
| Pembinaan | 49.6 |
| Kesihatan & Pendidikan | 49.6 |

| Keadaan Perniagaan Disember 2023 Mengikut Saiz | |
|---|---|
| Mikro | 49.8 |
| Kecil | 49.8 |
| Sederhana | 49.8 |
| Besar | 50.1 |

Pengangkutan dan Komunikasi mencatatkan sentimen optimistik yang tertinggi dengan indeks 50.8 disebabkan oleh kenaikan permintaan bagi produk dan perkhidmatan berikutan tren aktiviti percutian hujung tahun dan kemuncak musim pelancongan.

Sektor Hotel dan Restoran juga berpandangan optimistik dengan peningkatan prestasi perniagaan daripada pelancongan dalam negeri semasa musim cuti sekolah dan peningkatan penyewaan dewan serbaguna bagi acara-acara hujung tahun. Sektor Kewangan dan Insurans juga optimistik dengan jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan.

Sebaliknya, lima sektor menunjukkan sentimen pesimistik bagi Disember 2023. Sektor Kesihatan dan Pendidikan dan Sektor Pembinaan melaporkan indeks yang terendah pada tahap 49.6 disebabkan oleh permintaan pengguna yang lebih lembap dan jumlah projek yang berkurangan. Sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman melaporkan kelembapan aktiviti perniagaan berbanding bulan sebelumnya dan turut mengongsikan bahawa beberapa penyewa dijangka akan menamatkan kontrak sewa.

Manakala Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Penternakan menjelaskan penurunan sentimen disebabkan oleh permintaan pengguna yang lebih lembap serta keadaan cuaca yang merosot yang juga telah menjejaskan hasil pengeluaran. Sementara itu, Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan dan Sektor Pembuatan melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti November 2023.

Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, hanya perniagaan bersaiz besar menjangka keadaan yang lebih baik pada Disember 2023 berbanding bulan sebelumnya, didorong oleh faktor bermusim, peningkatan permintaan perkhidmatan bagi sebahagian sektor, promosi hujung tahun serta jualan berkaitan dengan permulaan musim persekolahan. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana menjangkakan keadaan perniagaan yang merosot akibat kelembapan aktiviti perniagaan semasa musim percutian hujung tahun.

Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah seperti di lampiran yang disediakan. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di *www.bdcb.gov.bn.* Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB *@centralbank.brunei.*

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Disember 2023





# SEMAI CINTA KEPADA RAJA, AGAMA, NEGARA



**TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman (kiri dan kanan).**



**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUTONG**, Rabu, 31 Januari. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Ma'had Islam Brunei, Tutong bertempat di Bilik Musyawwarah, sekolah berkenaan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Seramai 50 penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat berkenaan. Turut hadir, Timbalan Pengetua Akademik, Ma'had Islam Brunei, Dayang Hajah Amalina binti Haji Ali dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman yang antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara iaitu hendaklah memastikan bendera negara dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

# 7 pelajar UNISSA teroka industri halal di Jepun




**SERAMAI tujuh pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Osaka, Jepun bagi mengikuti *practical study abroad* di bawah program The Osaka University International Certificate Program (Halal, Science and Technology) (OUICP-HaSTi).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 1 Februari. - Seramai tujuh pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Osaka, Jepun bagi mengikuti *practical study abroad* di bawah program The Osaka University International Certificate Program (Halal, Science and Technology) (OUICP-HaSTi).

Para pelajar berkenaan merupakan pelajar yang mengambil Master of Halal Science dan mereka akan berada di Osaka, Jepun selama 65 hari.

Program berkenaan merupakan kerjasama antara Osaka University melalui ASEAN Campus dengan beberapa institusi pengajian tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk UNISSA.

Hadir untuk mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Pengarah di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), UNISSA, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, dan beberapa tenaga akademik.

Antara objektif penghantaran pelajar sarjana berkenaan ialah untuk mendedahkan mereka dengan industri halal di Jepun dan yang berkaitan dengannya, menjalani penyelidikan dengan mengaitkan halal dengan aplikasi sains, dan untuk menimba pengalaman serta pembelajaran di luar negara.

UNISSA aktif dalam menyediakan pelajarnya dengan pelbagai program kecemerlangan akademik terutama sekali yang melibatkan penyelidikan.

Dalam era globalisasi yang semakin mencabar kini, halal semakin menjadi perhatian di mata dunia bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam tapi mendapat penerimaan daripada masyarakat bukan Islam.

Justeru itu, universiti memainkan peranan penting dalam menyebarluaskan mengenai konsep halal melalui penyelidikan yang dijalankan oleh para pelajar sarjana sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan NBD sebagai salah satu *hub halal global*.



# KETAHANAN MENTAL, SEMANGAT KEBERANIAN KUNCI KEJAYAAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TANAH JAMBU**, Khamis, 1 Februari. - Menjadi seorang Pegawai Kadet bukan sekadar tugas tetapi satu tanggungjawab besar yang menuntut kecekapan, dedikasi dan semangat untuk membina masa depan negara.

Mereka menjalani latihan intensif yang melatih keberanian, kepimpinan, dan ketabahan. Tanggungjawab mereka melibatkan pelaksanaan tugas ketenteraan serta menyumbang kepada keamanan dan kedaulatan negara.

Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-22 yang berlangsung pagi tadi menyaksikan seramai 54 orang Pegawai Kadet telah ditauliahkan pada upacara yang berlangsung di Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Tanah Jambu, di sini.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan untuk menemu bual dua pegawai yang telah ditauliahkan.

Semasa ditemu bual, Leftenan (U) Ahmad Imanuddin bin Haji Ahmad Mahyuddin yang sebelumnya menuntut di Universiti Kuala Lumpur Malaysia dalam jurusan Aircraft Engineering Technology in Mechanical menjelaskan di antara persiapan utama beliau ialah dengan menjalani latihan fizikal yang efektif dan cekap, mempelajari dengan mendalam tentang prinsip-prinsip kepimpinan, serta mengambil tahu tentang ketenteraan dan cabarannya.

"Cabaran utama saya sepanjang kursus ini ialah dalam hal kepimpinan dan penyesuaian kepada budaya dan gaya hidup ketenteraan.

"Memimpin bukanlah senang terutamanya lagi bagi saya yang pendiam dan tidak berpengalaman. Saya juga pada awalnya menghadapi kesukaran untuk mengatasi perbezaan gaya hidup seorang tentera.

"Untuk mengatasi cabaran ini, saya sentiasa mengingatkan apa yang mendorong saya untuk menjadi seorang pegawai tentera, memperkuatkan ketahanan mental saya, berkongsi masalah dan juga mencari kekuatan dari sahabat seperjuangan, dan sentiasa meminta tunjuk ajar dari jurulatih.

Dengan semua langkah ini, hari demi hari, walaupun tugasan tidak menjadi lebih mudah, ianya boleh dilaksanakan dengan baik," ujarnya.



**LEFTENAN Dayang Nur 'Atikah Syafiqah binti Haji Mohamad Roslani, TLDB.**

Beliau seterusnya menasihatkan kepada mana-mana belia yang berminat untuk menceburi bidang ketenteraan untuk melihat cabaran bukan sebagai halangan tetapi sebagai peluang untuk penambahbaikan diri secara peribadi dan profesional.

Manakala Leftenan Dayang Nur 'Atikah Syafiqah binti Haji Mohamad Roslani, TLDB yang pernah menuntut di Universiti Brunei Darussalam dalam jurusan Logistik menjelaskan, beliau mendapatkan motivasi daripada kedua ibu bapa sebagai pendorong terbesar untuk lebih bersemangat dan percaya diri untuk menyertai Kursus Pegawai Kadet.

"Mereka telah menyokong saya dalam semua keputusan yang saya lakukan dan keinginan saya untuk meneruskan kerjaya ini.

"Saya ingin membalas jasa budi dan pengorbanan mereka dengan menamatkan kursus ini dengan jayanya dan membuat mereka gembira dan bangga dengan kejayaan saya," tambahnya.

Beliau seterusnya menasihatkan para belia yang ingin menceburi bidang ketenteraan untuk menetapkan pendirian dan meneguhkan niat untuk menjadi seorang pegawai tentera, selain untuk belajar menerima dan melihat setiap cabaran secara positif dan belajar untuk berfikiran terbuka, terutama sekali dengan menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan yang berbeza secara baik dan cekap.



**LEFTENAN (U) Ahmad Imanuddin bin Haji Ahmad Mahyuddin.**

# Kursus bimbingan bakal jemaah haji

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



**KURSUS Ibadah Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M yang berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain (kiri).**

**TUTONG**, Jumaat, 2 Februari. - Seramai 94 bakal jemaah haji dari Daerah Tutong telah hadir pada Kursus Ibadah Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M yang berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, di sini.

Kursus Ibadah Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M bagi bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah bermula 26 Januari 2024 yang lalu.

Kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah itu bertujuan untuk membantu bakal-bakal jemaah haji mempelajari dan memahami di samping meningkatkan pengetahuan mengenai manasik haji secara teori dan praktikal agar bakal jemaah dapat melaksanakan ibadah haji dengan teratur dan sempurna.

Para pengkursus yang terpilih terdiri daripada mereka yang mempunyai ilmu yang luas dalam bidang fiqh khususnya mengenai manasik haji dan umrah serta mempunyai pengalaman mengajar dan memberikan bimbingan haji kepada bakal jemaah haji yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji sebelum ini.

Dengan adanya kursus bimbingan haji ini diharapkan agar bakal jemaah haji di negara ini akan dapat memahami manasik haji dan umrah secara tepat, teratur dan sempurna dan seterusnya mendapat haji yang mabrur.

Bakal jemaah haji juga diharapkan agar mengambil maklum dan perhatian serta mematuhi apa jua dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan Kerajaan Arab Saudi. Kursus Ibadah Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M akan diadakan pada setiap Jumaat dan Ahad sebanyak 10 sesi bermula pukul 8.00 pagi hingga pukul 10.30 pagi hingga 8 Mac depan.



**ANTARA yang hadir pada kursus berkenaan.**




# TAP ADAKAN LAWATAN KE PREMIS PERNIAGAAN





**TABUNG Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan telah membuat lawatan ke premis-premis perniagaan di sekitar Kampung Kiulap, baru-baru ini (kiri dan kanan).**

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 31 Januari. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan telah membuat lawatan ke premis-premis perniagaan di sekitar Kampung Kiulap, baru-baru ini.

Hasil daripada lawatan tersebut, pegawai-pegawai pemeriksa TAP telah memeriksa sebanyak 51 premis majikan dan didapati masih ada lagi majikan yang gagal mendaftarkan dan mencarumkan pekerjanya yang memenuhi persyaratan ke Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) iaitu seramai 14 pekerja tempatan.

Objektif utama lawatan ini adalah bagi memastikan setiap pekerja mempunyai simpanan persaraan untuk kesejahteraan hari persaraan mereka nanti. Dalam hal ini, setiap majikan perlu bertanggungjawab dalam mendaftarkan dan membayar caruman SPK pekerja-pekerja mereka.

TAP ingin memaklumkan kepada majikan bahawa proses pendaftaran dan pembayaran caruman pekerja telah dipermudahkan dengan hanya menggunakan perkhidmatan *online* TAP, e-Amanah. Para majikan boleh membuat log masuk ke akaun majikan masing-masing melalui laman sesawang TAP di *www.tap.com.bn* dan tidak perlu lagi berurusan melalui kaunter-kaunter perkhidmatan TAP seperti sebelumnya.

Majikan adalah diingatkan untuk menjalankan tanggungjawab mereka untuk mendaftarkan dan membayar caruman pekerja-pekerja yang layak ke SPK iaitu pekerja yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat. Ini termasuklah pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari, dan pekerja di dalam tempoh percubaan.

Di bawah Bab 35 (1), National Retirement Scheme Order, 2023 jika sabit kesalahan, majikan boleh didenda tidak kurang dari BND3,000 bagi kesalahan pertama dan tidak lebih dari BND10,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Bagi isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal penguatkuasaan seperti tidak didaftar dan tiada pembayaran caruman, pihak pengadu adalah dinasihatkan untuk membuat aduan dan mengongsikan maklumat menerusi Talian Hotline Unit Penguatkuasaan TAP, +673 7302929 ataupun melalui e-mel di alamat *enforcement@tap.com.bn.*

Para pekerja juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan, atau menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 semasa waktu bekerja. Bagi ahli yang telah berdaftar ke perkhidmatan *online* TAP, e-Amanah, aduan juga boleh dibuat dengan membuat log masuk ke akaun ahli melalui laman sesawang TAP di *www.tap.com.bn.*

# 17 kotak daging ayam seludup berjaya dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei





**HASIL pemeriksaan kenderaan suspek, pihak polis mendapati 17 kotak besar yang mengandungi daging-daging ayam yang dipercayai diseludup dari negara jiran (atas dan atas kanan), manakala gambar bawah, kenderaan berkenaan terbabas di kawasan berdekatan simpang Kampung Gadong Baru.**

**TEMBURONG,** Jumaat, 2 Februari. – Para anggota Balai Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya menahan seorang warga tempatan dalam insiden kejar-mengejar yang berlaku pada Khamis, 1 Februari 2024.

Pada sekitar jam 5.00 pagi, Peronda Balai dimaklumkan dan berjaya menemukan kenderaan berkenaan bergerak menghala ke Bangar.

Peronda mencuba menahan kereta yang mencurigakan, akan tetapi pemandu enggan berhenti malah suspek melajukan kenderaannya untuk cuba melarikan diri.

Kejadian kejar-mengejar berakhir setelah kenderaan berkenaan terbabas di kawasan berdekatan simpang Kampung Gadong Baru.

Suspek diberkas setelah menyerah diri di tempat kemalangan.

Hasil pemeriksaan kenderaan suspek, pihak polis mendapati 17 kotak besar yang mengandungi daging-daging ayam yang dipercayai diseludup dari negara jiran.

Suspek telah dibawa ke hospital bagi pemeriksaan kesihatan dan barang-barang rampasan diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk tindakan lanjut.

PPDB akan sentiasa bekerjasama dan berganding bahu bersama agensi penguatkuasaan undang-undang di negara ini dalam membanteras dan mencegah daripada berlakunya jenayah dan isu penyeludupan rentas sempadan di Negara Brunei Darussalam.

PPDB juga memohon kerjasama orang ramai bagi membantu pihak berkuasa dalam memerangi jenayah penyeludupan dengan menyalurkan maklumat yang berkaitan melalui talian-talian kecemasan pihak penguatkuasa undang-undang di negara ini.






ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI




# Manfaat kepelbagaian Chatbot merentas pelbagai industri

**Oleh : Nurhamiza Haji Roslan**
**Foto : Ihsan Freepik**

### Pendahuluan

CHATBOT ialah program komputer yang direka untuk mensimulasikan perbualan dengan pengguna manusia, pengantara muka berasaskan teks. Ia menggunakan kecerdasan buatan ataupun AI untuk memahami dan bertindak balas terhadap input pengguna, memberikan maklumat, bantuan atau melaksanakan tugas berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan atau algoritma pembelajaran mesin.

### Penggunaan Chatbot dalam pelbagai industri

Chatbot kini digunakan dalam pelbagai industri dan aplikasi. Sebagai contoh, banyak perniagaan menggunakan Chatbot untuk mengendalikan pertanyaan pelanggan, memberikan sokongan dan membantu dengan isu biasa. Penggunaan Chatbot juga dapat dilihat dalam industri e-Dagang di mana Chatbot digunakan untuk membantu pengguna menavigasi kedai dalam talian, mencari produk dan membuat keputusan pembelian. Selain itu, penggunaan Chatbot juga dapat dilihat dalam industri pendidikan, penjagaan kesihatan, kewangan dan banyak lagi industri lain. Dalam industri pendidikan, Chatbot boleh digunakan untuk tunjuk ajar, menjawab soalan pelajar dan menyediakan sumber pendidikan dan juga untuk mempelajari bahasa lain. Manakala dalam industri penjagaan kesihatan Chatbot digunakan untuk memberi maklumat tentang simptom, menjadualkan janji temu dan menawarkan nasihat berkaitan kesihatan. Dalam industri kewangan pula, Chatbot boleh membantu dalam perbankan, membantu pengguna menyemak baki, memindahkan dana dan mendapatkan maklumat tentang transaksi. Industri lain yang dapat dilihat menggunakan Chatbot ialah industri hiburan di mana sesetengah Chatbot melibatkan pengguna dalam perbualan santai, bercerita jenaka atau menyediakan kandungan hiburan. Chatbot juga digunakan oleh industri pelancongan untuk membantu dengan tempahan penerbangan, hotel dan menyediakan maklumat perjalanan.

Secara keseluruhannya, Chatbot ialah alat serba boleh yang digunakan untuk meningkatkan pengalaman pengguna dan mengautomasikan interaksi rutin merentas pelbagai domain.

### Platform untuk membina Chatbot

Untuk membina Chatbot beberapa platform perisian dan rangka kerja boleh digunakan. Antara platform-platform yang banyak digunakan untuk membina Chatbot ialah seperti Microsoft Bot Framework, Dialogflow (oleh Google), IBM Watson Assistant, Rasa, Amazon Lex dan Botpress.

Platform Microsoft Bot Framework membolehkan pengguna membina bot pintar untuk pelbagai platform, termasuk Microsoft Teams, Slack dan banyak lagi manakala Dialogflow membolehkan pembangun mencipta pengantara muka perbualan untuk tapak web, aplikasi mudah alih dan platform pemesejan. IBM Watson Assistant pula memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) untuk membina Chatbot yang mampu memahami dan bertindak balas kepada input pengguna merentas saluran yang berbeza. Platform Rasa merupakan rangka kerja sumber terbuka yang digunakan untuk membina kecerdasan buatan untuk tujuan perbualan, memberikan fleksibiliti dan kawalan ke atas tingkah laku Chatbot.

Platform lain seperti Amazon Lex yang merupakan sebahagian daripada ekosistem Perkhidmatan Web Amazon (AWS) membolehkan pembangun membina bot sembang dengan keupayaan suara dan teks. Manakala, platform Botpress iaitu platform sumber terbuka yang boleh digunakan untuk membangun dan mengurus Chatbot, menawarkan pengantara muka visual dan pilihan penyesuaian yang meluas.

Apa yang perlu diingati apabila memilih platform, pembangun Chatbot perlu pertimbangkan faktor seperti platform sasaran, kemudahan penggunaan, keupayaan penyepaduan dan tahap penyesuaian yang diperlukan untuk Chatbot yang akan dibina.

### Batasan, saranan untuk pengguna Chatbot

Antara batasan penggunaan Chatbot ialah pemahaman terhad di mana Chatbot yang digunakan mungkin sukar memahami pertanyaan pengguna yang rumit atau samar-samar, yang membawa kepada respons yang tidak tepat. Selain itu, pengguna juga perlu ingat akan bahawa Chatbot hanya dapat mensimulasikan perbualan dan tidak akan dapat menggantikan perbualan dan komunikasi di antara manusia kerana Chatbot tidak mempunyai kecerdasan emosi dan mungkin tidak akan memahami atau bertindak balas dengan sewajarnya kepada emosi pengguna, sindiran atau bahasa bernuansa. Pengguna mungkin juga akan berasa terhad apabila menggunakan Chatbot kerana batasan dari segi bahasa. Tidak semua Chatbot tersedia boleh digunakan dalam pelbagai bahasa.

Chatbot juga tidak akan mempunyai kesedaran konteks apabila pengguna cuba berbual dengannya dan ini menjadikan situasi di antara pengguna dan Chatbot mencabar kerana pengguna tidak akan dapat respons yang diperlukan atau respons kurang tepat dan Chatbot mungkin akan bergelut dan mengulang balik respons yang sama. Kebanyakan Chatbot bergantung pada peraturan atau skrip yang dipratentukan, mengehadkan keupayaan mereka untuk mengendalikan senario yang unik atau tidak dijangka. Sesetengah Chatbot sangat bergantung pada kata kunci dan ini juga boleh membawa kepada respons kurang tepat kepada pengguna jika pengguna tidak menggunakan istilah atau frasa yang bertepatan. Penggunaan Chatbot juga menimbulkan isu kebimbangan keselamatan. Apabila pengguna mengendalikan maklumat sensitif ini boleh menimbulkan risiko keselamatan, dan Chatbot yang direka bentuk secara tidak betul boleh menjejaskan data pengguna.

Walaupun Chatbot mempunyai had-had tertentu dari segi penggunaannya, kemajuan dalam pemprosesan bahasa semula jadi dan pembelajaran menggunakan mesin mengalami peningkatkan berterusan untuk memperbaiki kebolehan Chatbot. Untuk pengguna, saranan supaya Chatbot dapat digunakan dengan berkesan adalah untuk pengguna menyenaraikan dengan jelas tujuan dan matlamat Chatbot yang hendak digunakan dan kemudian memahami tugas yang hendak diprogram ke dalam Chatbot. Sesuaikan Chatbot dengan keperluan dan keutamaan khalayak sasaran sambil mempertimbangkan penggunaan bahasa dan gaya komunikasi pilihan.






# Telur pasteur selamat untuk dimakan tanpa dimasak

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Hajah Hairul Ezza Md. Kairul Anwar

**TELUR** ayam adalah bahan makanan yang boleh digunakan dalam pelbagai produk makanan. Selain ia mudah dimasak, telur merupakan makanan yang kaya dengan sumber protein dan popular sebagai makanan harian. Oleh sebab itu, ia sering menjadi pilihan dalam hidangan daripada pelbagai peringkat usia.

Ada sesetengah orang suka mengkonsumsi telur yang mentah atau separuh masak. Namun, mungkin mengandungi Salmonella, sejenis bakteria yang berbahaya dan boleh menyebabkan keracunan makanan. Pencemaran Salmonella pada telur ini boleh berlaku secara langsung atau tidak. Salmonella boleh terbentuk semasa proses pertumbuhan telur dalam badan ayam dan ia terkandung pada bahagian luar telur yang boleh menembusi pori-pori telur tersebut.

Seiring dengan peredaran masa, proses yang digunakan untuk membersihkan telur daripada tercemar juga semakin berkembang. Teknologi yang digunakan untuk membersihkan telur adalah proses pempasteuran pada telur. Teknologi pempasteuran telur ini merupakan salah satu kaedah yang dilakukan untuk membunuh kuman Salmonella atau mikroorganisma yang boleh mendatangkan bahaya yang terdapat di dalam dan di luar telur. Telur-telur ini akan melalui proses pemanasan secara teliti pada suhu yang tertentu dan membuatkan telur pasteur selamat untuk dimakan tanpa dimasak.

### Telur pasteur pertama Brunei

As-Sehha Group adalah sebuah perniagaan yang menghasilkan YEGGOO iaitu telur pasteur pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD). Ia dikelola oleh Dayang Hajah Hairul Ezza binti Md. Kairul Anwar bersama suami beliau, Awang Abdul Halim bin Haji Mohamed. Ia ditubuhkan pada Januari tahun 2023 dengan misi menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan hidup sihat dengan menyediakan pelbagai produk makanan yang berkhasiat. Perniagaan ini juga mempunyai visi untuk menjadi pembekal terkemuka dalam menyediakan solusi makanan sihat dan memberi inspirasi kepada perubahan positif dalam kehidupan manusia di seluruh dunia.

Dayang Hajah Hairul Ezza sebagai Pengasas As-Sehha Group yang pada masa kini merupakan seorang mahasiswi Doktor Falsafah (PhD) sepenuh masa di Universiti Teknologi Brunei dalam bidang pengurusan. Tercetusnya idea beliau untuk memulakan perniagaan ini adalah kerana tidak terdapat telur pasteur di NBD namun ia tersedia banyak di negara lain. Pada mulanya, beliau tidak mengetahui akan telur pasteur itu, namun setelah membuat kajian tentangnya beliau berasa ia adalah satu langkah yang baik untuk menjamin keselamatan pada makanan serta mengurangkan risiko mendapat jangkitan kuman ketika mengkonsumsi telur. Lebih-lebih lagi pada masa kini masyarakat semakin mengambil berat tentang kesihatan semenjak wabak COVID-19 melanda dunia.

As-Sehha Group telah menghasilkan dua produk iaitu Pasteurized Liquid Whole Egg dan Pasteurized Shell Eggs. Pasteurized Liquid Whole Egg adalah telur yang telah dijadikan cecair dan disimpan dalam botol yang tersedia sekurang-kurangnya mengandungi 10 biji telur dalam satu botol. Ini menjimatkan masa dan tenaga kerja dengan mengelakkan kerumitan dan kerosakan apabila memecah telur. Produk ini dipasteur sambil mengekalkan kualiti berkhasiat. Produk ini dipasarkan dengan harga BND6.50 sebotol. Manakala Pasteurized Shell Eggs yang dijual dengan harga BND6 per karton adalah telur yang sudah dipasteur tanpa dipecahkan lalu disimpan dalam bekas *tray*. Ia pilihan yang sihat dan sesuai untuk keluarga yang mementingkan kesihatan dan mempunyai kebimbangan terhadap keselamatan makanan.

### Proses penghasilan pempasteuran telur YEGGOO

Apabila tempahan telur pasteur telah diterima, langkah pertama yang dilakukan adalah membeli telur daripada pembekal tempatan. Kemudian telur tersebut dicuci hingga bersih melalui proses pembasmian telur. Selepas itu, telur itu akan melalui proses pempasteuran menggunakan mesin khas dengan mengikut suhu dan jangka masa yang tertentu. Ini bertujuan untuk mengurangkan dan membunuh bakteria dan virus yang mungkin terkandung dalam atau luar telur tersebut. Setelah proses ini selesai, telur-telur tersebut akan dipindahkan kepada mangkuk yang berisikan air ais untuk memberhentikan proses memasak dan mengekalkan teksturnya. Setelah telur ini kering, langkah terakhir adalah pembungkusan telur ke dalam bekas yang tersedia dan seterusnya siap untuk dihantar dan dijual.

### Manfaat mengkonsumsi telur pasteur

Telur pasteur telah disyorkan oleh Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (Centres for Disease Control and Prevention - CDC) untuk mengurangkan risiko penyakit bawaan makanan. Ia sangat relevan apabila menyediakan resepi menggunakan telur mentah ataupun separuh masak atau menghidangkan makanan kepada kanak-kanak, wanita hamil ataupun individu yang mempunyai sistem imun yang lemah.

Telur yang telah melalui proses pemanasan secara teliti pada suhu tertentu boleh membunuh kuman Salmonella dan mikroorganisma yang membahayakan membuatkan telur pasteur selamat untuk dimakan tanpa dimasak. Antara kelebihan lainnya, telur pasteur adalah lebih selamat dimakan daripada telur biasa, mempunyai jangka hayat yang lebih panjang dan kualiti yang lebih baik.

### Cabaran, perancangan

Menurut Dayang Hajah Hairul Ezza, beberapa cabaran yang perlu beliau lalui adalah membahagikan masa sebagai mahasiswi dan pengusaha. Selain itu, memandangkan telur pasteur ini benda yang baharu di negara ini, terdapat kesulitan dalam menyebarluaskan kesedaran kepada masyarakat.

Maka dengan itu, beliau merancang untuk meningkatkan lagi penyebarluasan tentang produk ini. Seterusnya, mengembangkan perniagaan ini yang bermula dari rumah kepada kilang dan mendapatkan logo Halal dan logo 'Healthier Choice' dari Pusat Promosi Kesihatan. Beliau juga berharap dapat mengembangkan penjualan telur pasteur di pasar raya yang lebih besar dan menjadi pembekal kepada hotel-hotel di negara ini.

### Penutup

Kebersihan telur adalah sangat penting memandangkan ia adalah salah satu makanan yang digunakan di dalam banyak masakan. Untuk mencegahnya mengandungi kuman seperti Salmonella, kaedah pempasteuran telah pun dibuat. Sekarang telur pasteur sudah pun tersedia di negara kita. Bagi pelanggan yang berminat untuk menempah produk telur pasteur ini, mereka bolehlah mengunjungi akaun Instagram @ *yeggoo.bn* atau akaun TikTok : *Yeggoo.bn*. Sebarang pertanyaan juga boleh menghantar e-mel kepada *assehhagroup@outlook.com*.






BERITA GLOBAL

# ASEAN MESTI SERIUS TANGANI CABARAN YANG JEJASKAN KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP SISTEM DIGITAL- S'PURA

**SINGAPURA**, 1 Feb. - Kerajaan setiap negara anggota ASEAN perlu serius menangani cabaran yang menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap sistem digital, menurut Menteri Komunikasi dan Penerangan Singapura Josephine Teo.

"Secara khususnya, kita perlu berusaha lebih tegas dalam memerangi penipuan yang dilakukan dengan bantuan teknologi digital," katanya dalam ucapan pada perasmian Mesyuarat Menteri Digital ASEAN (ADGMIN) kali keempat pada Khamis.

Memetik Global Anti-Scam Alliance, Teo berkata sejumlah US$1.4 trilion hilang akibat penipuan di seluruh dunia antara Ogos 2022 hingga Ogos 2023 dan di Asia sahaja lebih 60 peratus mangsa mengalami sekurang-kurangnya satu penipuan setiap minggu.

"Penipuan kini menjadi masalah transnasional dengan penjenayah dan sindiket jenayah siber menggunakan alat digital untuk beroperasi secara meluas dan pantas yang merentasi sempadan," katanya.

Menurut kenyataan oleh Kementerian Komunikasi dan Maklumat (MCI) republik itu, Singapura mempengerusikan dan menganjurkan ADGMIN itu selama dua hari mulai Khamis (1 Feb).

Mesyuarat itu dihadiri perwakilan dari negara anggota ASEAN bersama Rakan Dialog dan Pembangunan seperti China, Jepun, Amerika Syarikat dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa.

Malaysia diwakili oleh Menteri Digital Gobind Singh Deo.

"Penyertaan aktif negara-negara ini menggariskan kepentingan yang semakin meningkat bagi domain digital dan usaha digital rantau ASEAN," menurut kementerian itu.

MCI berkata ADGMIN tahun ini menerima penyertaan Timor-Leste sebagai pemerhati.

Teo mempengerusikan mesyuarat itu manakala Menteri Ekonomi Digital dan Masyarakat Thailand, Prasert Janthararuangthong sebagai Naib Pengerusi.

Tema ADGMIN tahun ini ialah 'Building an Inclusive and Trusted Digital Ecosystem'.

ADGMIN 2024 berfungsi sebagai platform penting yang menghimpunkan usaha kerjasama negara anggota ASEAN dalam mentransformasikan rantau ini secara digital.

"Usaha kolektif ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan digital setiap warga ASEAN, memupuk persekitaran yang bersedia untuk menerima teknologi baharu muncul dan meningkatkan kualiti hidup rakyat dan perniagaan," kata kementerian itu. - ©BERNAMA

## Korea Selatan, AS dan beberapa negara kutuk kekejaman tentera Myanmar

**SEOUL**, 1 Feb. - Korea Selatan, Amerika Syarikat (AS) dan beberapa negara lain mengeluarkan kenyataan bersama pada Khamis yang menggesa tentera Myanmar segera menghentikan semua keganasan terhadap orang awam.

"Kami mengutuk sekeras-kerasnya kekejaman rejim tentera yang berterusan dan pencabulan hak asasi manusia, seperti keganasan seksual dan sekatan kebebasan, termasuk kebebasan bersuara," menurut kenyataan itu pada ulang tahun ketiga rampasan kuasa tentera.

Kenyataan bersama itu dikeluarkan oleh wakil tinggi Kesatuan Eropah (EU) dan menteri luar Korea Selatan, AS, United Kingdom (UK), Australia, Kanada, New Zealand, Norway dan Switzerland,

"Tiga tahun selepas rampasan kuasa tentera, kami terus bersolidariti dengan rakyat Myanmar dan keinginan mereka untuk demokrasi yang inklusif dan tulen," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menyeru tentera untuk membebaskan semua tahanan politik yang ditahan secara tidak adil, membenarkan sepenuhnya akses kemanusiaan dan mewujudkan ruang untuk dialog inklusif dengan semua pihak berkepentingan.

Wakil-wakil berkenaan juga menggesa sokongan masyarakat antarabangsa dalam usaha mendesak tentera Myanmar menamatkan keganasan dan menghentikan bekalan senjata serta peralatan yang digunakan untuk melakukan kekejaman.

Myanmar bergolak sejak tentera menggulingkan kerajaan pimpinan Aung San Suu Kyi pada 1 Feb 2021 dan merampas kuasa. - ©BERNAMA

## 19 maut dalam nahas bas dan treler di utara Mexico

**MEXICO CITY**, 31 Jan. - Sekurang-kurangnya 19 orang maut dalam kemalangan melibatkan bas penumpang dua tingkat dan treler di Lebuhraya Mazatlan-Culiacan di utara Mexico pada awal Selasa, lapor Xinhua.

Menerusi hantaran di X, Peguam Negara bagi negeri Sinaloa, Sara Bruna Quinonez Estrada, berkata berdasarkan maklumat operasi menyelamat di lokasi, setakat ini sebanyak 19 mayat direkodkan dalam nahas di kawasan perbandaran Elota itu.

"Kami masih tida mempunyai jumlah sebenar penumpang bas, kami sedang dalam proses membandingkannya dengan senarai syarikat bas," katanya.

Menurut beliau, bas itu terbakar akibat impak kemalangan dan mayat mangsa yang rentung sukar dikenal pasti. Proses untuk mengesahkan identiti mangsa akan mengambil masa.

Dalam satu kenyataan, kerajaan negeri Sinaloa berkata bas itu dalam perjalanan antara Guadalajara dan Los Mochis apabila kemalangan berlaku pada 5.15 pagi waktu tempatan. Menurut media tempatan, punca nahas itu masih disiasat. - ©BERNAMA

## ASEAN, China lancar portal untuk tarik pelancong China

**JAKARTA**, 31 Jan. - ASEAN dengan sokongan kerajaan China pada forum pelancongan rantau itu di Laos melancarkan Laman Sesawang Pelancongan China-Asia Tenggara, sebuah inisiatif di bawah Pelan Induk Kesalinghubungan 2025.

Platform khusus itu yang bertujuan untuk menarik pelawat China, boleh dilayari di *https://www.visitsoutheastasia.cn*, menyediakan panduan praperjalanan untuk membantu mereka merancang perjalanan dengan lebih baik.

Sekretariat ASEAN dalam satu kenyataan berkata laman sesawang itu juga bertujuan meningkatkan aktiviti pelancongan, merangsang pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan persefahaman bersama antara ASEAN dan China.

"Tahun 2024 adalah detik yang sesuai untuk membuka laman sesawang itu kerana ia bertepatan dengan Tahun Pertukaran Rakyat-dengan-Rakyat ASEAN-China," menurut sekretariat itu.

Laman sesawang itu berfungsi sebagai panduan komprehensif untuk meneroka 10 destinasi di Asia Tenggara, menyediakan maklumat perjalanan yang pelbagai dan penawaran produk meliputi semua negara anggota ASEAN. Ia mengetengahkan beberapa tarikan utama di Malaysia seperti bandar Melaka, Tapak Warisan Dunia UNESCO, yang terkenal dengan sejarah dan budayanya.

Pulau Langkawi, sebuah kepulauan dengan 99 pulau di pantai barat Malaysia, menawarkan landskap yang indah dan pelbagai aktiviti rekreasi. Gua Tempurung Perak, gua terpanjang dan terbesar di Semenanjung Malaysia, terkenal dengan pembentukan batu kapur yang unik, menarik pengembaraan dan peminat alam semula jadi.

Taman Negara Mulu Sarawak terkenal dengan biodiversiti yang luar biasa dan ciri-ciri kars yang menawan, menjadika nnya destinasi utama untuk ekopelancongan dan penerokaan.

Menurut kemas kini Taklimat ASEAN terbaru oleh Dezan Shira & Associates, China merupakan sumber pelancong keempat terbesar untuk Malaysia. Malaysia menyasarkan lima juta pelancong China tahun ini, meningkat daripada 1.5 juta pada 2023. Malaysia menerima kira-kira 3.7 juta pelancong China sebelum pandemik COVID-19. Malaysia memberi pengecualian visa untuk pengembara China bermula 1 Dis 2023 hingga 31 Dis 2024. - ©BERNAMA

## Armenia rasmi jadi ahli penuh Mahkamah Jenayah Antarabangsa

**MOSCOW**, 1 Feb. - Armenia pada Khamis secara rasmi menjadi ahli penuh Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) memandangkan ratifikasi Statut Rom yang menubuhkan badan itu mula berkuat kuasa pada 1 Feb.

Menurut ICC, Armenia menjadi negara ke-124 yang menyertai Statut Rom dan negara ke-19 daripada kumpulan Eropah Timur yang berbuat demikian, lapor Agensi Anadolu.

Oktober lalu, Parlimen Armenia menerima pakai undang-undang mengenai ratifikasi Statut Rom sekali gus mengiktiraf bidang kuasa ICC.

Menteri Luar Armenia Ararat Mirzoyan dalam surat yang diutus kepada ICC, berikrar yang Republik Armenia komited untuk memberikan kerjasama sepenuhnya. - ©BERNAMA

## Lelaki bawa busur silang, pedang ditembak mati polis di Britain

**MOSCOW,** 31 Jan. - Polis Britain menembak mati seorang lelaki yang memakai perisai badan dan membawa busur silang, pisau, pedang serta kapak dalam satu kejadian di tenggara London, lapor Sputnik.

Tindakan itu diambil kerana polis "bimbang" suspek boleh mendatangkan kecederaan kepada orang ramai, menurut laporan penyiar Britain, Sky News pada Selasa dengan memetik pihak berkuasa.

Menurut laporan itu, suspek, 30, masuk ke dalam sebuah hartanah di kawasan Surrey Quays di London dan mengancam penghuninya, kata laporan itu, memetik Pejabat Bebas bagi Kelakuan Polis.

Pejabat itu berkata dua das tembakan dilepaskan selepas polis gagal berkomunikasi dengan suspek. Satu siasatan dilancarkan berhubung kejadian berkenaan.

Jurucakap Polis Metropolitan Asisten Komisioner Matt Twist berkata pegawai polis yang membawa senjata api telah dipanggil ke tempat kejadian selepas polis yang tidak bersenjata diancam dan "bimbang" terhadap keselamatan penghuni kediaman.

"Pegawai polis yang dibantu oleh paramedik memberikan pertolongan cemas kepada lelaki itu, yang memakai perisai badan, tetapi malangnya suspek meninggal dunia. Senjata yang ditemukan dari tempat kejadian termasuk busur silang, pisau, pedang dan kapak," kata Twist.

Beliau berkata dua orang yang berada di hartanah itu mengalami kecederaan ringan. - ©BERNAMA

## Senator AS minta pentadbiran Biden kembalikan pembiayaan UNRWA

**TEHRAN,** 31 Jan. - Senator Amerika Syarikat (AS) Bernie Sanders meminta pentadbiran Presiden Joe Biden mengembalikan pembiayaan kepada Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA), lapor Agensi Berita Iran (IRNA) memetik laporan media.

Menurut laporan Al Jazeera pada Selasa malam, Senator itu berkata lebih sejuta penduduk di Gaza berisiko mengalami kebuluran dan Amerika Syarikat serta negara-negara lain sepatutnya tidak membiarkan mereka menderita kerana tindakan segelintir individu yang didakwa.

Sanders turut mengkritik dasar kerajaan AS terhadap 'perang genosid' Israel yang sedang berlaku di Gaza.

"Kita sama sekali tidak boleh mengabaikan krisis kemanusiaan yang sangat dahsyat yang sedang berlaku di Semenanjung Gaza," kata senator itu. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# MALAYSIA MULAKAN TRANSFORMASI UNTUK TINGKATKAN TADBIR URUS DATA

**SINGAPURA**, 2 Feb. - Malaysia telah memulakan transformasi untuk menambah baik tadbir urus data melalui penilaian semula Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan semakan peraturan subsidiari.

Menteri Digital Gobind Singh Deo berkata keutamaan terhadap aspek keselamatan siber telah menjadi keperluan segera disebabkan kemajuan teknologi pesat yang menyumbang kepada ancaman siber.

Bercakap pada Mesyuarat Menteri Digital ASEAN (ADGMIN) kali keempat di Singapura, beliau berkata adalah penting untuk mengukuhkan keyakinan terhadap kaedah kendalian data peribadi.

"Dengan kekerapan pelanggaran data yang semakin meningkat menjadi kewajaran untuk rakyat dan rakan kongsi antarabangsa kami menjangkakan rangka kerja privasi dan keselamatan yang berkesan.

"Selain itu, objektif kami untuk menyelaras perundangan Malaysia berdasarkan penanda aras global dengan itu mewujudkan iklim perundangan yang berkongsi pendirian sama mengenai perlindungan data seperti negara anggota ASEAN dan masyarakat antarabangsa yang lebih luas," katanya.

Beliau berkata kementerian yang baharu ditubuhkan itu juga mempamerkan keazaman kerajaan Malaysia untuk mengambil bahagian secara aktif dalam ekonomi digital global serta kekal sebagai kuasa berdaya saing di pentas global.

Bagi menyokong hasrat ini, beliau berkata Malaysia melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Digital melancarkan inisiatif strategik nasional Malaysia Digital (MD) untuk menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC) demi menangani cabaran utama dalam landskap transformasi digital masa kini dan menyediakan ekosistem ekonomi digital yang kukuh dan fleksibel.

Inisiatif MD, sejajar dengan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, menyediakan status dan faedah syarikat yang lebih fleksibel, termasuk insentif cukai yang dipertingkatkan, Bill of Guarantees (BoG) yang diperbaharui dan lokasi inklusif untuk operasi perniagaan di seluruh negara.

MD juga memperkenalkan projek digital pemangkin baharu di bawah program PeMangkinMD, dikelompokkan merentasi pelbagai sektor industri seperti Perdagangan Digital, Pelancongan, Pertanian dan Pembuatan, mengguna pakai teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI), Blockchain, Cloud, 5G dan Robotik.

Melalui pelbagai program di bawah inisiatif MD, seperti eUsahawan (Keusahawanan Digital), Malaysia telah melatih lebih setengah juta usahawan dengan lebih separuh daripada mereka merupakan usahawan wanita. Ini penting kerana ia membolehkan kerajaan memupuk ekonomi digital yang teguh, dinamik dan inklusif di Malaysia.

Bagi memudahkan proses transformasi kerajaan digital, Gobind berkata kerajaan digital yang berkesan bukan sahaja mengenai dasar tetapi juga mengenai penyampaian perkhidmatan yang ketara.

"Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan keupayaan kerajaan digitalnya dan memacu transformasi digital di seluruh negara. Komponen utama usaha ini ialah MyDIGITAL yang diunjurkan menyumbang 25.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2025," katanya.

ADGMIN 2024 berfungsi sebagai platform penting yang menghimpunkan usaha kerjasama negara anggota ASEAN dalam mentransformasikan rantau ini secara digital. ADGMIN tahun ini bertemakan "Building an Inclusive and Trusted Digital Ecosystem". - ©BERNAMA

## Buenos Aires : Sesi perbahasan reformasi ekonomi dicemari rusuhan

**BUENOS AIRES**, 2 Feb. - Sesi perbahasan pakej perundangan oleh anggota Kongres Argentina pada Khamis dicemari dengan pertempuran antara kesatuan sekerja, aktivis sosial dan pasukan keselamatan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Penunjuk perasaan bertindak memukul pegawai polis dengan kayu hingga memaksa polis menggunakan gas pemedih mata dan peluru getah.

Sementara itu, anggota Kongres telah membahaskan pakej pembaharuan komprehensif oleh Presiden baharu, Javier Milei selama dua hari berturut-turut.

Pakej itu termasuk memindahkan sebahagian kuasa perundangan kepada kerajaan selama dua tahun, membolehkan penswastaan pelbagai syarikat milik kerajaan dan menyediakan pindaan undang-undang berkaitan cukai dan pilihan raya.

Milei, seorang ahli ekonomi mengangkat sumpah jawatan pada pertengahan Disember dan menetapkan pembaharuan radikal untuk negara itu.

Argentina berdepan krisis ekonomi yang teruk, menyaksikan kadar inflasi melebihi 200 peratus manakala sekitar 40 peratus rakyatnya kini hidup di bawah paras kemiskinan.

Mata wang peso terus menyusut berbanding dolar Amerika Syarikat dan hutang terus meningkat. - ©BERNAMA

## ICJ dijangka buat keputusan mengenai bidang kuasa untuk kes Ukraine terhadap Rusia

**AMSTERDAM**, 2 Feb. - Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague dijangka membuat keputusan awal mengenai bidang kuasa untuk prosiding kes yang difailkan oleh Ukraine terhadap Rusia, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Ukraine menyaman Rusia susulan tindakan negara ini melancarkan operasi ketenteraan pada tahun 2022. Kyiv menuduh Moscow menyalahgunakan Konvensyen Genosid.

Rusia pada awalnya dikatakan mewajarkan pencerobohan itu dan menyifatkan pembunuhan beramai-ramai terhadap Rusia di Ukraine perlu dicegah. Ukraine pula menganggap tuduhan itu sebagai palsu dan melanggar konvensyen.

Rusia dengan tegas menolak tuduhan itu dan meminta agar kes berkenaan ditolak. Tindakan Ukraine mengemukakan kes itu menerima sokongan oleh 32 sekutu Barat.

Bagaimanapun pada Rabu, mahkamah yang sama telah menolak satu lagi kes yang dikemukakan oleh Ukraine terhadap Rusia pada 2017 dan membebaskan Rusia daripada tuduhan membiayai keganasan di timur Ukraine. Keputusan ICJ adalah mengikat tetapi mahkamah tidak mempunyai kaedah untuk menguatkuasakannya. - ©BERNAMA

## Ketua PBB rayu bantuan kemanusiaan ditingkatkan ke Gaza

**ANKARA**, 2 Feb. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Antonio Guterres menyeru agar peningkatan bantuan kemanusiaan ke Semenanjung Gaza disegerakan akibat masalah kebuluran, hilang tempat tinggal dan keruntuhan sistem kemanusiaan.

"Saya menyeru agar akses kemanusiaan dipercepat, selamat, tanpa halangan, diperluas dan berterusan di seluruh Gaza. Rakyat di Gaza kelaparan. Seramai 1.7 juta orang telah hilang tempat tinggal. Sistem kemanusiaan semakin runtuh," lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan Guterres di platform X pada Khamis.

Israel telah melancarkan serangan di Semenanjung Gaza sejak 7 Okt lalu hingga mengorbankan lebih 27,000 rakyat Palestin manakala lebih 66,000 cedera.

Serangan terbabit juga menyebabkan 85 peratus penduduk Gaza hilang tempat tinggal di tengah-tengah kekurangan makanan, bekalan air bersih dan ubat-ubatan manakala 60 peratus infrastruktur wilayah itu telah rosak atau musnah, menurut PBB. - ©BERNAMA

## Keganasan Israel di Tebing Barat bakal cetus pergolakan serantau - Raja Jordan

**AMMAN**, 2 Feb. - Raja Jordan Raja Abdullah II memberi amaran mengenai potensi pergolakan di rantau Asia Barat akibat 'keganasan Israel' di Tebing Barat dan Baitulmaqdis selain menekankan keperluan gencatan senjata di Semenanjung Gaza.

Amaran itu disampaikan Raja Abdullah II semasa baginda dihubungi Perdana Menteri Kanada, Justin Trudeau pada Khamis, menurut kenyataan Mahkamah Hashemite Diraja Jordan, lapor Agensi Anadolu.

Kenyataan itu menyatakan bahawa Raja Abdullah menekankan keperluan gencatan senjata segera di Gaza dan perlindungan terhadap orang awam yang tidak bersenjata.

Raja Jordan juga menegaskan keperluan untuk meningkatkan usaha-usaha untuk menjamin penghantaran bantuan kemanusiaan dan bantuan yang mencukupi dan mampan ke Gaza, serta menzahirkan penghargaan baginda terhadap usaha Kanada dalam menyampaikan bantuan ke wilayah terkepung itu.

Selain itu, Raja Abdullah mengesahkan semula peranan penting UNRWA dalam menyediakan bantuan kepada lebih 2 juta penduduk Palestin di Gaza, yang memerlukan sokongan yang berterusan bagi membolehkan agensi berkenaan terus menyediakan perkhidmatan penting mengikut mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Baginda menekankan kepentingan mewujudkan rangka kerja politik bagi isu Palestin bagi mencapai keamanan yang adil dan menyeluruh melalui penyelesaian dua negara. Baginda menegaskan bahawa kestabilan serantau adalah mustahil tanpa menyelesaikan konflik Palestin-Israel.

Sehingga 30 Januari, sebanyak 18 negara dan Kesatuan Eropah memutuskan untuk menangguhkan pembiayaan mereka kepada agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pelarian Palestin atau UNRWA, berhubung dakwaan Israel bahawa 12 kakitangan UNRWA terlibat dalam konflik antara Israel-Hamas.

Serangan berterusan Israel ke atas Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober lepas, membunuh sekurang-kurangnya 27,019 rakyat Palestin manakala 66,139 lagi cedera. - ©BERNAMA

## Thailand, Tentera Laut AS bekerjasama laksana misi menyelamat HTMS Sukhothai

**BANGKOK**, 2 Feb. - Tentera Laut Diraja Thailand (RTN) dan Tentera Laut Amerika Syarikat (USN) akan bekerjasama menjalankan misi menyelamat HTMS Sukhothai yang karam di Teluk Thailand pada 2022.

Dalam satu kenyataan, Pejabat Hal Ehwal Awam Kedutaan Amerika Syarikat, Bangkok memaklumkan misi bersama itu akan dijalankan sebagai sebahagian daripada latihan Cobra Gold 2024 yang dijadual berlangsung dari 27 Feb hingga 10 Mac.

"Ia (misi menyelamat bersama) dilaksanakan susulan hubungan persahabatan yang terjalin antara kedua-dua tentera laut, melalui latihan bersama, operasi dan hubungan antara rakyat selama beberapa dekad. Kami komited untuk melaksanakan penyelamatan yang selamat dan menyeluruh bagi menghormati kelasi yang hilang, ahli keluarga dan rakan mereka," katanya.

HTMS 'Sukhothai', yang membawa 105 kelasi, mengalami kegagalan enjin dan tenggelam kira-kira 20 batu nautika dari Wilayah Prachuap Khiri Khan kira-kira 11.30 malam pada 18 Dis 2022. RTN menyelamatkan 76 kelasi daripada kejadian itu tetapi 24 ditemukan mati manakala lima lagi hilang kerana gagal dijumpai. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI SUKAN
ePaper Pelita Brunei

# FABD ADAKAN SESI LATIHAN, PEMILIHAN PEMAIN KEBANGSAAN




PRESIDEN FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff semasa menyaksikan sesi latihan pemilihan pemain kebangsaan di Padang FABD (kiri sekali). Manakala gambar kiri, antara pemain yang menyertai sesi pemilihan berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 1 Februari. - Hampir 50 pemain menunjukkan kelebihan dan potensi dalam sesi latihan pemilihan pemain kebangsaan di Padang Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Pemilihan selama tiga hari berkenaan menumpukan kepada penelitian kemantapan dalam semua aspek para pemain sebelum diserapkan ke dalam pasukan kebangsaan.

Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff yakin dengan kegigihan yang tinggi dan komitmen yang jitu daripada semua pemain, barisan jurulatih, pegawai yang terlibat dan juga *stakeholder* akan dapat mencorak dan membina satu pasukan yang dinamik dan mampu melangkah dalam persada bola sepak yang lebih jauh.

Sementara itu, kehadiran bekas para pemain kebangsaan yang mengikuti latihan dan pemilihan akan dapat membantu pihak jurulatih dan pegawai mendapat ruang lebih luas untuk membuat penilaian dan pemilihan.

Presiden FABD juga ingin menyaksikan persiapan pendek pasukan berkenaan dengan mengadakan perlawanan-perlawanan bersama pasukan tempatan.

"Dengan adanya keterbukaan ini, saya pasti pasukan kebangsaan akan bersiap siaga bagi perlawanan-perlawanan Window Friendly FIFA malah bagi persiapan perlawanan-perlawanan di peringkat antarabangsa," jelasnya.

Presiden FABD seterusnya menyarankan agar pasukan kebangsaan mampu memberi tumpuan untuk menguasai saingan dengan negara jiran seperti Sabah, Sarawak, Kalimantan sebelum melangkah ke peringkat ASEAN, Asia dan sebagainya.

Juga turut menyaksikan sesi latihan dan pemilihan berkenaan ialah Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

# Awang Abdul Malik juara Beyblade X

Berita dan Foto : Ihsan DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 31 Januari. - Awang Abdul Malik Sofri bin Mohd. Arrifin daripada Pasukan Jakusha Bladers muncul juara dalam perlawanan akhir Beyblade X anjuran Undergroundbeyz Tournament yang diadakan di Teratak DBos di Kampung Mentiri sekali gus berjaya membawa pulang hadiah utama sebuah High Pressure Water.

Sementara itu, Awang Aediesopian bin Haji Ismail daripada Pasukan Jakusha Bladers merangkul tempat kedua dan ketiga manakala Awang Haji Rosaimi bin Haji Lamit daripada Pasukan Ghostbeys berada tempat keempat.

Pemenang hadiah Top 8 pula disandang oleh JB Abd. Malik Sofri, GB Haji Rosaimi, GB Sallehuddin dan GB Yusri.

Dalam perebutan Liga Beyblade Brunei Darussalam bagi Tahun 2023 / 2024 Pasukan Jakusha Bladers masih mengungguli carta liga dengan memperoleh 131 mata diikuti Ghostbeys dengan 73 mata berjaya memintas Pasukan Underground Beys yang memperoleh 73 mata serta Pasukan Santai Aja Bladerz yang mengutip 65 mata dan Beyblade Madness dengan 7 mata.



PARA peserta bergambar ramai pada perlawanan akhir Beyblade X anjuran Undergroundbeyz Tournament yang diadakan di Teratak DBos di Kampung Mentiri.

## Tahukah Awda

**JABATAN** Radiologi Hospital RIPAS adalah pusat pengimejan diagnostik utama di negara ini yang lengkap bagi pengendalian pemeriksaan radiografi umum, CT Scan, Mammografi, Ultrasound dan Fluoroskopi. Dua mesin baharu Jabatan Radiologi iaitu 3.0 Tesla Magnetic Resonance Imaging (MRI) dan 128 Dual Source Computed Tomography (CT) juga telah dirasmikan bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan diagnosis yang lebih baik. Mesin 3.0 Tesla MRI berjenama Siemens Magnetom Sykrafit didatangkan dengan Teknologi Biomatrix yang disesuaikan dengan pesakit, untuk meningkatkan keselesaan pesakit. Mesin CT 128 Dual Source CT berjenama Siemens Somatom Drive - Dual X ray Tube and Detector pula ialah CT lebih pantas (imbasan sehingga 458 mm/s).

**SUMBER** : *www.pelitabrunei.gov.bn/.*